



SALAM RAMADAN 2021

Tulus ikhlas
F B
Fok Boon Kitchenware Supplies Sdn Bhd (923594-M)
Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Melaka.
06-232 2298/012-252 3905

*30% DISKAUN
Untuk pembelian dalam Ramadhan sahaja

Kepuasan rakyat ukuran kejayaan



KETUA MENTERI Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata tahap kepuasan rakyat menjadi ukuran kejayaan buat Kerajaan Melaka. Ia sekali gus meletakkan segala pencapaian diperoleh sepanjang setahun pentadbirannya adalah hasil kejayaan bersama melibatkan penggubal undang-undang, penjawat awam, pihak swasta dan rakyat Melaka.

2&3

‘Hati rakyat puas, itu kejayaan besar bagi saya’ – Sulaiman

Rizanizam Abdul Hamid

BANDA HILIR – Kepuasan hati rakyat dijadikan ukuran kerjayaan pentadbiran kerajaan dan bukannya dilihat daripada nilai projek pembangunan semata-mata.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, tidak ada istilah membezakan antara besar atau kecil sesuatu usaha kerajaan sebagai ukuran setahun pentadbirannya sejak Mac tahun lalu.

“Pada saya apa-apa perkara yang dapat saya memuaskan hati rakyat di bawah sana waima kecil sekalipun, ia pada saya satu kejayaan yang besar.

“Tak ada saya bezakan yang besar atau kecil (nilai), apabila semua rancangan itu berjaya kita laksanakan yang akhirnya rakyat di luar sana hatinya puas, itu merupakan kejayaan yang paling mustahak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pencapaian Setahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka 2020-2021 di sebuah hotel di Banda Hilir di sini baru-baru ini.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan, barisan EXCO, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Salhah Salleh dan lain-lain kenamaan.

Pada majlis sama Sulaiman



SULAIMAN bersama Hasim (kanan) menunjukkan buku 'Melaka 2035 Satu Perjalanan' selepas Majlis Pencapaian Setahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka 2020-2021 di sebuah hotel di Banda Hilir baru-baru ini.

turut melancarkan Coffee Table Book Melaka 2035 serta menyempurnakan Majlis Penyerahan Dokumen Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) dan dokumen pencapaian kepada 10 bari-

san EXCO, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN).

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata kejayaan lain antaranya seperti projek koridor ekonomi pesisir

laut berimpak tinggi, Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) adalah visinya untuk Melaka di masa hadapan.

“M-WEZ adalah visi dan perancangan saya yang tidak boleh di-

laksanakan hari ini, kita cakap hari ini, esok dah boleh laksana, tidak.

“Ia perancangan memakan masa selama 15 tahun dan itu adalah sebahagian kejayaan besar di masa hadapan,” katanya.

‘Kejayaan kita bersama’

Mohamad Fazrul Abdul Majid

DATUK Seri Utama Sulaiman Md Ali enggan mengambil kredit di atas segala kejayaan yang diraih sepanjang setahun pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Sebaliknya, beliau menyifatkan segala pencapaian itu adalah kejayaan bersama dan tidak akan dapat dicapai tanpa peranan semua pihak termasuk rakyat Melaka sendiri.

Sulaiman berkata, majlis yang diadakan itu cukup bermakna kepadanya kerana ia bukan sahaja dapat meraikan pencapaian setahun yang lalu, bahkan dapat bermuhasabah mengenai dugaan yang dilalui sejak 365 hari yang lalu.

Selain itu, pembentangan pencapaian itu juga katanya, bakal memeta pentadbiran kerajaan negeri untuk masa depan.

“Ini bukan perkongsian untuk saya secara peribadi. Tetapi segala pencapaian 12 bulan yang lalu adalah kejayaan kita bersama.

“Terima kasih kepada semua pihak yang memainkan peranan masing-masing termasuklah penggubal undang-undang, penjawat awam, pihak swasta dan rakyat Melaka itu sendiri,” katanya.


WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda. Sesungguhnya, solat seseorang selaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.					
19 April 2021 - 25 April 2021 (07 Ramadhan 1442H - 13 Ramadhan 1442H)					
SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19 APRIL 2021	5.56 am	7.05 am	1.13 pm	4.27 pm	7.17 pm
20 APRIL 2021	5.56 am	7.05 am	1.13 pm	4.27 pm	7.17 pm
21 APRIL 2021	5.55 am	7.05 am	1.12 pm	4.27 pm	7.17 pm
22 APRIL 2021	5.55 am	7.05 am	1.12 pm	4.27 pm	7.17 pm
23 APRIL 2021	5.55 am	7.04 am	1.12 pm	4.28 pm	7.16 pm
24 APRIL 2021	5.54 am	7.04 am	1.12 pm	4.28 pm	7.16 pm
25 APRIL 2021	5.54 am	7.04 am	1.12 pm	4.28 pm	7.16 pm

11 Pencapaian Utama Pentadbiran Setahun Kerajaan Negeri Melaka 2020-2021

1. Mengurangkan hutang kerajaan pusat berjumlah RM178 juta
2. Kutipan hasil negeri berjumlah RM393 juta atau 108 peratus daripada sasaran.
3. Mencapai 98 peratus pematuhan PKPB, antara tertinggi di Malaysia.
4. Menyelesaikan isu catuan air
5. Mendapat peruntukan RM1.3 bilion untuk projek bekalan air
6. M-WEZ dilancarkan dengan jayanya pada 8 April 2021
7. KUIM berjaya dinaik taraf kepada universiti penuh dikenali UniMEL
8. Purata harga rumah terendah di Malaysia iaitu RM195,661
9. Jumlah pelancong tepat pada sasaran iaitu 5.7 juta
10. Pelaburan meningkat dari RM880 juta pada 2019 kepada RM2 bilion pada 2020.
11. Berjaya menyiapkan Pelan Strategik Melaka untuk tempoh 15 tahun sehingga 2035

Kewangan Melaka terus kukuh



Sumber : Pencapaian Setahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka
Grafik : Melaka Hari Ini

"Kita (kerajaan negeri) juga memperkenalkan dasar sumbangan dua peratus dari agensi dan anak syarikat bagi membantu meningkatkan hasil kerajaan negeri."

Mohamad Fazrul Abdul Majid

WALAUPUN terkesan dengan pandemik COVID-19, namun kewangan negeri Melaka kekal kukuh sepanjang setahun pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Sulaiman berkata, hal itu dibuktikan apabila Melaka berjaya mengutip hasil sebanyak RM393 juta sepanjang tempoh itu.

Jelasnya, angka itu merekodkan peningkatan 108 peratus daripada sasaran awal.

"Selain itu, hutang kerajaan negeri kepada kerajaan persekutuan juga berkurangan se-

banyak RM179 juta dalam tempoh setahun," katanya.

Jelasnya, dasar sumbangan di kalangan anak syarikat serta agensi kerajaan negeri turut diperkenalkan dalam membantu tingkatkan hasil pendapatan negeri.

"Kita (kerajaan negeri) juga memperkenalkan dasar sumbangan dua peratus dari agensi dan anak syarikat bagi membantu meningkatkan hasil kerajaan negeri."

"Tahun lepas (2020), sebanyak RM81,500 telah dikutip. Ia dijangka meningkat kepada RM330,000 pada tahun ini," katanya.



ANTARA pegawai kanan kerajaan negeri yang hadir dalam majlis tersebut.

UniMEL bakal jadi nukleus hab pendidikan Melaka

PENAIKTARAFAN Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) kepada universiti penuh yang dikenali sebagai Universiti Melaka (UniMEL) bakal memberi impak lebih besar kepada sektor pendidikan negeri ini.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kewujudan UniMEL diyakini bakal menjadi nukleus kepada hab pendidikan Melaka.

Katanya, UniMEL kini mempunyai sekitar 3,500 pelajar dan jumlah itu akan bertambah menjelang 2022 apabila proses penyerapan masuk Kolej Antarabangsa Sains dan Teknologi (MICOST) kepada sebahagian UniMEL diselesaikan.

"Sasaran kita ialah untuk UniMEL menjadi sebuah IPT dengan jumlah pelajar seramai 7,000 orang menjelang tahun 2025.

"Tahniah kepada semua pihak bekerja keras membantu usaha tersebut. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Menterinya Datuk Seri Dr Noraini Ahmad di atas pengiktirafan tersebut," katanya.



SULAIMAN (dua dari kiri) menyampaikan watikah pengiktirafan kepada Naib Canselor KUIM, Prof Datuk Dr. Mohd Taib Dora (kanan) sambil diperhatikan Hasim (kiri) dan Exco di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan), Datuk Noor Effandi Ahmad (dua dari kanan).

Wilayah baharu Tanjung Bidara jadi moden

Norizan Abdul Muhid

TANJUNG BIDARA - Tanjung Bidara bakal berubah wajah menjadi bandar lebih holistik dan moden apabila Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Bidara-Pengkalan Balak siap direalisasikan di kawasan itu dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara, Datuk Md Rawi Mahmud berkata, RKK merupakan satu kajian khusus dilaksanakan oleh pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan PLAN Malaysia melibatkan kawasan persisiran pantai seluas 525.62 hektar dengan anggaran kos sebanyak RM223 juta.

Menurutnya, RKK bertujuan memelihara semula, merancang pembangunan dan mengambil kira isu-isu sedia ada dengan melibatkan pandangan awam untuk menambahbaik rancangan yang dibuat.

"Rancangan ini meletakkan matlamat melaksanakan pembangunan 15 tahun akan datang dan bagi memastikan ia memenuhi keperluan penduduk DUN Tanjung Bidara, ia menyediakan cadangan dan komen penduduk selama dua bulan Jun hingga Julai tahun lalu bagi tujuan penambahbaikan semakan graf RKK.

"Sebanyak 54 projek penambahbaikan telah dirangka menerusi RKK Tanjung Bidara-Pengkalan Balak dengan tujuan memastikan ekosistem di kawasan berkenaan terpelihara dan paling utama ia hendaklah menepati kemanusiaan masyarakat DUN Tanjung Bidara," katanya.

DUN Tanjung Bidara melibatkan lima pantai sepanjang 7.86 hektar bermula pantai awam Tanjung Bidara, Pantai Padang Kemunting, Pantai Pengkalan Balak, Pantai Sungai Tuang dan Pantai Telok Gong, mengandungi tiga kawasan pendaratan penyu karah, tiga mukim terdiri daripada Kuala Sungai Baru, Sungai Baru Hilir dan Sungai Baru Tengah didiami 8,609 orang.

Selain itu menurut Md. Rawi, projek pembangunan dan menaik taraf bagi mengubah wajah pantai peranginan dari Tanjung Bidara ke Telok Gong meliputi Empat Teras dengan keutamaan kepada pembangunan persisiran pantai yang holistik meliputi pemeliharaan persisiran pantai, penambakan pasir pantai meliputi kawasan Kampung Mesra Penyu sejauh 6.1 meter atau 20 kaki dengan kos kira-kira RM54.92 juta.

"Ia disokong dengan kerja menaik taraf perhubungan jalan lalulintas dengan membina sejumlah sembilan jalan baru seperti Pengkalan Balak-Londang dan persimpangan menghala Telok Gong, persisir pantai dan Tanjung Bidara dan penyediaan pencawang pembahagi utama PPU bagi menampung peningkatan keperluan bekalan elektrik dan menaik taraf rangkaian telekomunikasi 4G kepada 5G.

Menaik taraf bekalan air antaranya naik taraf tangki bekalan air bersih, cadangan tangki sedutan dan menganti paip usang, pengurusan sisa pepejal secara menyeluruh,

menaik taraf infrastruktur dan utiliti, pengurusan sisa pepejal dan menyediakan sistem pengairan dan saliran yang terancang meliputi pemeliharaan dan pemuliharaan rizab sungai," ujar beliau.

Katanya, pembangunan Teras Dua bernilai RM152.74 juta dengan keutamaan menaik taraf kemudahan pelancongan melibatkan fungsi dua lokasi pusat penempatan kecil bandar pelancongan Pengkalan Balak dan pusat penempatan desa Tanjung Bidara manakala projek sokongan membina 'view deck' di Vista Point Pengkalan Balak, penjanaan ekonomi komuniti tempatan dan pengukuhkan perkhidmatan pelancongan sedia ada.

"Teras Dua ini turut melibatkan menaik taraf kemudahan pengangkutan dan keagamaan antaranya membina masjid baru terapung di Kampung Pengkalan Balak manakala pengangkutan membina tempat pendaratan bot neelayan berpusat, menyediakan laluan pengangkutan awam bas henti-henti, laluan pejalan kaki dan nasikal, tempat meletak kenderaan berpusat, penyediaan lampu jenis LED," katanya.

Beliau memberitahu, bagi pembangunan Teras Tiga menyediakan peruntukan RM12.80 juta dengan keutamaan kepada usaha-usaha mewartakan pantai pendaratan penyu, pencahayaan dan lanskap mesra penyu serta pusat komuniti penyu di Kampung Mesra Penyu manakala pemuliharaan kualiti air meliputi tindakan memindahkan ladang khinzir, kerja-kerja pembersihan sungai dan menyediakan sistem loji rawatan sisa kumbahan serantau.

"Yang menjadikan Tanjung Bidara istimewa dan unik, tidak terdapat di kawasan lain adalah kerana pantainya menjadi tempat pendaratan penyu karah untuk bertelur, dan wajarlah keistimewaan ini dijaga sebaik-baiknya demi kebaikan generasi akan datang," katanya.

Ujarnya, dua lagi program di bawah Teras Tiga termasuk memperkenalkan konsep teknologi hijau dan mampan terdiri daripada program 3R, kebun dapur manakala pengindahan lanskap dengan keutamaan lanskap di jalan protokol Pengkalan Balak, Padang Kemunting, membina arca jalan dan membaik pulih rumah-rumah tradisional.

"Bagi Teras Empat, kos pembangunannya tertakluk kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah yang melaksanakan program pemutihan premis penginapan pelancong iaitu pengindahan pantai, pengindahan penginapan calet, menaik taraf jeti nelayan dan pemeliharaan penyu," katanya.

Pada masa yang sama, menurutnya, terdapat cabaran yang perlu diatasi dalam pelaksanaan program RKK di kawasan itu ialah ancaman terhadap pendaratan penyu karah yang berpunca daripada aktiviti malam seperti memancing dan berkhemah, limpahan cahaya lampu jalan, kenderaan yang melalui kawasan pantai dan eksplorasi manusia ke atas penyu termasuk penjualan telur penyu secara haram.

Pada masa yang sama, menurutnya, terdapat cabaran yang perlu diatasi dalam pelaksanaan program RKK di kawasan itu ialah ancaman terhadap pendaratan penyu karah yang berpunca daripada aktiviti malam seperti memancing dan berkhemah, limpahan cahaya lampu jalan, kenderaan yang melalui kawasan pantai dan eksplorasi manusia ke atas penyu termasuk penjualan telur penyu secara haram.

BIODATA ADUN TANJUNG BIDARA

Nama: Datuk Md Rawi Mahmud

Tarikh Lahir: 4 September 1953

Tempat Lahir: Jelebu, Negeri Sembilan

Isteri: Datin Ainin Merah

Anak: Lima orang (tiga lelaki, dua perempuan)

Pendidikan Awal: - Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Sungai Buloh, Jelebu, Negeri Sembilan.
- Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Triang Hilir, Jelebu, Negeri Sembilan.

Pendidikan Tinggi: - Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur.
- Universiti Putra Malaysia (Ijazah).

Pengalaman Kerjaya: - Guru (1974-2011).



Penduduk teruja dengan 'wajah baharu'

PERANCANGAN pembangunan dan projek naik taraf kemudahan yang diatur di bawah Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Bidara-Pengkalan Balak memberi limpahan manfaat kepada seluruh penduduk Tanjung Bidara dan sekitarnya.

Rata-rata penduduk yang ditemui melahirkan rasa gembira dan teruja mereka terhadap rancangan pembangunan yang diatur bagi mengubah wajah Tanjung Bidara menjelang tahun 2035 nanti.

Menurut Ahmad Warid Ismail, Tanjung Bidara berbeza dan istimewa berbanding kawasan lain kerana tempat itu memiliki pantai yang cantik malah menjadi tumpuan penyu karah mendarat untuk bertelur.

"Keistimewaan dan keunikan Tanjung Bidara ini jika tidak dijaga dan diperindah lagi, saya bimbang satu hari nanti tanpa kita se dari ianya akan hilang dan paling sedih kepupusan penyu karah juga akan berlaku."

"Sebab itu perlu dilaksanakan pembangunan seperti yang dirancang dalam RKK malah beberapa projek pembangunan baharu juga banyak memberi manfaat berguna kepada penduduk Tanjung Bidara," katanya.

Katanya, hakisan pantai berlaku hampir setiap tahun dan ia perlu dibendung bagi mengelak masalah tersebut berlanjut menjadi lebih serius.

Menurut Ahmad, perlaksanaan RKK akan menjadikan Tanjung Bidara lebih tersusun terutama dari aspek penyediaan program pembangunan infrastuktur dan kemudahan pengangkutan yang lebih baik di situ.

"Kita gembira kerana Tanjung Bidara bakal berubah wajah dari pada dulu hanya sebuah pekan kecil, berubah sedikit demi sedikit seperti sekarang ini namun banyak lagi ruang boleh diperbaiki."

"Misalnya, pekan Pengkalan Balak, fungsi kemudahan di situ tidak banyak dan boleh dinaik taraf menjadi lebih baik bagi menampung keperluan penduduk dan pelancong yang datang bercuti di situ," katanya.

Seorang lagi penduduk, Muhammad Zuhairi Yaakob berkata, dia gembira dengan rancangan perubahan tersebut dan berharap ia dapat digerakkan segera.

"Boleh dikatakan Tanjung Bidara hanya sibuk mengikut musim tertentu sahaja seperti cuti sekolah dan cuti perayaan, kawasan ini pasti dipenuhi dengan kesesakan lalu lintas."

"Namun, pada hari biasa, kawasan ini seperti pekan tinggal dan sunyi dengan kunjungan pelancong, mungkin disebabkan tiada kemudahan pelancongan lain yang disediakan selain pantai," katanya.

Pada masa yang sama, katanya, kekurangan kemudahan pengangkutan awam yang efisien disediakan di situ menyebabkan kawasan itu kurang tumpuan pelancong selain kekurangan tandas awam serta surau di situ.



"Sebab itu perlu dilaksanakan pembangunan seperti yang dirancang dalam RKK malah beberapa projek pembangunan baharu juga banyak memberi manfaat berguna kepada penduduk Tanjung Bidara"

-AHMAD WARID

INFOGRAFIK KAWASAN DUN TANJUNG BIDARA





Selamat Menyambut **Ulang Tahun Ke-18** **BANDARAYA** **MELAKA** **BERSEJARAH**

15 April 2021



Ikhlas Daripada:
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA

#MelakaMestiMenangCOVID19





ANTARA gambar kesesakan pengunjung pasar Ramadan di Taman Rambai Jaya yang tular di media sosial baru-baru ini, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan orang ramai kemungkinan wujudnya kluster baharu COVID-19.

Batal pasar Ramadan jika ingkar SOP - KM

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Kerajaan negeri akan membatakan penganjuran pasar Ramadan di negeri ini sekiranya pihak penganjur gagal memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membendung penularan COVID-19.

Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata, ia rentetan masih terdapat segelintir pihak penganjur gagal menguatkuasakan se-penuhnya SOP hingga mengakibatkan orang ramai bersesak di pasar Ramadan ketika membeli juadah berbuka selain menimbulkan kesesakan jalan raya.

"Saya lihat kepada penganjur, kalau mana-mana penganjur yang tidak mematuhi SOP ditetapkan masih lagi keadaan bersesak-sesak, maka penganjur tersebut

akan kita ambil tindakan atau batalkan saja (pasar Ramadan).

"Tetapi saya akan memperhalusi dan bincang dengan pihak Pengurus Jawa-tankuasa COVID-19 Negeri Melaka, begitu juga pihak berkuasa tempatan (PBT) terlibat yang memberikan lesen kepada penganjur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan di Pejabat Melaka Hari Ini (MHI) di sini, baru-baru ini.

Jelasnya, pihak penganjur diingatkan supaya menguruskan pasar Ramadan itu dengan meletakkan bilangan penjaga yang sepatutnya bagi memantau pematuhan SOP.

"Jika dia (penganjur) tidak tambah orang yang menjaga untuk pembeli-pembeli ini datang pasar Ramadan, kita tidak teragak-agak untuk ambil tindakan

sama ada menutup atau tukar bagi kepada penganjur lain yang boleh kawal lebih baik.

"Kita tak benarkan satu kawasan itu melebihi berapa orang atau perlu mengikut saiz ses sebuah gerai.

"Kalau penjual dua orang dan yang nak beli lima orang, sudah pasti jadi sesak hingga belanggar bahu sekali gus tiada penjarakan fizikal lagi," katanya.

Sulaiman berkata, kerajaan negeri ingin membantu golongan peniaga di negeri ini.

"Sebagai contoh di Kelantan kita tengok ia tak benarkan (pasar ramadan disebabkan peningkatan kes COVID-19) tetapi di Melaka kita benarkan sebab saya sayangkan rakyat terutamanya golongan peniaga ini.

"Saya lihat dengan teliti, but I don't want today will happen again (tapi saya tidak mahu perkara ini berlaku

lagi), kalau berlaku juga got to do something (tidak perlu diambil) supaya peningkatan COVID-19 ini tak meningkat di Melaka," katanya lagi.

Baru-baru ini, MHI melaporkan keadaan pasar Ramadan di Taman Rambai Jaya di bawah kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput sesak teruk dengan pengunjung yang tidak mengamalkan penjarakan fizikal ketika membeli juadah berbuka.

Keadaan itu berlaku sekitar jam 6 hingga 7 petang hingga berlaku kesesakan lalu-lintas di kawasan terbatit.

Laporan dan gambar berkenaan kemudian tular sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat kemungkinan wujudnya kluster baharu sekali gus menyebabkan peningkatan kes baharu COVID-19 di negeri ini.

Lima peniaga pasar Ramadan terima notis

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BUKIT PALAH – Seramai lima peniaga di pasar Ramadan Taman Rambai Jaya diberikan notis oleh Kementerian Kesihatan (KKM) kerana kesalahan tidak mengawal penjarakan fizikal membabitkan pengunjung, setakat 14 April lepas.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Datuk Zainal Abu berkata, notis amaran itu bagi memastikan aspek pematuhan prosedur operasi standard (SOP) diutamakan selepas isu kepadatan pengunjung di pasar Ramadan itu tular pada hari pertama Ramadan lalu.

Katanya, sekiranya notis dan amaran itu terus diabaikan, pihaknya tidak teragak-agak menutup pasar Ramadan berkenaan bagi membendung kewujudan kluster di pasar Ramadan.

"Saya tidak meletakkan kesalahan di bahu pengunjur dan peniaga sahaja, tetapi ia lebih dalam kalangan pengunjung kerana mereka sepatutnya lebih takut jika bersesak-sesak untuk membeli juadah berbuka.

"Kalau sampai satu tahap kita tengok benda ini tidak boleh dikawal, kita terpaksa batalkan pasar Ramadan itu dan mungkin kita akan kembali kepada pasar Ramadan secara dalam talian seperti dipraktikkan tahun lalu.

"Saya tidak akan teragak-agak kerana nyawa dan keselamatan orang ramai lebih penting dalam situasi ini," katanya ditemui dalam program Santuni Kasih Permata Hati sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-18 Bandaraya Melaka Bersejarah di Hospital Melaka, baru-baru ini.

Ditanya berhubung sistem kemasukan pengunjung ke pasar Ramadan di bawah kawasan MBMB, Zainal berkata, pihaknya sedang meneliti mekanisme terbaik yang boleh memberi 'situasi menang-menang' kepada pengunjung dan peniaga.

Katanya, MBMB sebelum ini tidak menggunakan sistem nombor seperti di tempat lain kerana sistem itu membuatkan pengunjung beratur panjang dan sekali gus ia boleh memberi impak kepada peniaga.

"Kalau orang ramai terpaksa beratur sampai 200 atau 300 meter mungkin ada yang akan balik dan melupakan hasrat membeli juadah berbuka. Itu akan memberi impak kepada peniaga.

"Orang ramai sepatutnya sudah tahu SOP yang patut dijalankan kerana COVID-19 bukan benda baharu," katanya lagi.



ZAINAL

Penganjur pasar Ramadan mohon maaf

BUKIT RAMBAI – Isu kesesakan pengunjung tanpa penjarakan fizikal di pasar Ramadan di Taman Rambai Jaya yang tular baru-baru ini diberi jaminan tidak akan berulang lagi.

Penganjurnya Ismail Adnan berkata, pihaknya akan memperbaiki prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat di sepanjang kawasan pasar Ramadan itu untuk mengelakkan pengunjung bersesak-sesak dan tiada penjarakan fizikal.

Dia turut memohon maaf di atas apa yang terjadi, namun menjelaskan pihaknya sudah melakukan sebaik-baik dalam menyediakan SOP men-

gikut syarat ditetapkan termasuklah menyediakan buku pendaftaran, cecair pembasmi kuman, petugas Jawa-tankuasa Malaysia (RELA) untuk memantau serta penghadang di tapak pasar Ramadan itu.

"Kalau nak kata tiada SOP langsung itu memang tak betul sama sekali. Saya dan rakan-rakan bersiap sedia lebih awal dengan segala SOP yang ditetapkan. Semua SOP ketat memang telah kita sediakan.

"Tetapi apabila hampir waktu berbuka iaitu sekitar jam 6 petang dan ke atas, pengunjung secara tiba-tiba meningkat dengan mendadak

dan itu menyukarkan kita untuk mengawal mereka.

"Mungkin ada antara mereka yang baru pulang kerja dan tiada pilihan lain untuk membeli juadah berbuka. Jadi, takkanlah kita sanggup nak halang? Kalau kata tak boleh masuk pun, mereka tetap nak masuk juga. Kita tak boleh kawal," katanya.

Ismail yang juga Pengurus Jawa-tankuasa Pembangunan dan Kemajuan Kampung (JPKK) Bukit Datuk berkata, bagi melancarkan perjalanan operasi tapak berkenaan sepanjang Ramadan, pihaknya akan bekerjasama dengan anggota polis

dari Balai Polis Tanjung Minyak dan penguat kuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

"Kita berharap dengan kerjasama ini segalanya akan lebih teratur dan situasi sesak itu juga dapat diatasi. Insya-Allah kita akan terus patuh kepada SOP kerana kita juga tidak mau ada kluster baharu."

"Lagipun kebanyakan peniaga kecil baru hendak bernafas semula. Jadi kita akan lakukan yang terbaik untuk memastikan SOP sentiasa dijadikan keutamaan," katanya lagi.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah

negeri Datuk Rahmad Mariman ketika dihubungi kecwa melihat ketidakpatuhan SOP oleh pengunjung di pasar Ramadan berkenaan.

Beliau berharap, perkara itu dapat dijadikan ictibar kepada semua pasar Ramadan di seluruh negeri agar menitikberatkan aspek pematuhan SOP dalam usaha memerangi pandemik COVID-19.

"Berkenaan kes ini juga, saya akan meminta penguat kuasa kesihatan untuk turun padang pada petang ini. Ia bertujuan untuk memantau dan sekiranya perlu, tindakan akan diambil," katanya.

Bas percuma buat golongan sasar

Liana Sahabudin

JASIN – Kerajaan Melaka bakal menyediakan perkhidmatan bas Panorama secara percuma khusus buat golongan sasar di negeri ini melibatkan 24 laluan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri Datuk Roslan Ahmad berkata, ia membabitkan golongan seperti asnaf, penerima Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan golongan kelainan upaya (OKU).

"Ini idea baharu Ketua Menteri, kita akan perkenalkan perkhidmatan bas percuma di 24 laluan di negeri ini untuk golongan sasar."

"Sebelum ini perkhidmatan bas percuma ini hanya di tiga laluan tetapi Insya-Allah selepas ini kita akan perluaskan di laluan lain khusus buat golongan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Malam Setia Bakti DUN Merlimau Tahun 2021 di Dewan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Lipat Kajang, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) merangkap Pengurus Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan lain-lain kenamaan.

Katanya, kerajaan negeri juga akan memperkenalkan kad baharu buat golongan sasar itu bagi memudahkan mereka menggunakan perkhidmatan percuma bas Panorama.

"Pemegang kad nanti boleh naik bas Panorama secara percuma di semua laluan, Insya-Allah tahun ini kita akan perkenalkan kad itu dan seluruh rakyat Melaka yang mempunyai kad ini akan menikmati kemudahan bas percuma," katanya.



PERKHIDMATAN bas Panorama secara percuma khusus buat golongan sasar membabitkan asnaf, penerima bantuan JKM dan golongan kelainan upaya (OKU) bakal melibatkan 24 laluan.

Ketua Menteri lawat pejabat MHI



SULAIMAN meninjau operasi unit rekabentuk grafik dalam sesi lawatannya ke MHI di Ayer Keroh, pada 14 April lepas.

AYER KEROH – Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengadakan lawatan ke pejabat Melaka Hari Ini (MHI) Sdn Bhd di sini, pada 14 April lepas.

Ketibaan beliau disambut Ketua Pegawai Eksekutif MHI, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid dan Ketua Pegawai Operasi MHI, Anuar Shaari.

Menerusi lawatan itu beliau turut diberi penerangan oleh Abdul Jalil mengenai sejarah ringkas, operasi dan perancangan akhbar rasmi Kerajaan Negeri Melaka.

Abdul Jalil turut meneckankan hala tuju MHI bagi menjana pendapatan tamba-

han menerusi pelbagai platform digital.

Dalam pada itu, Sulaiman turut memberi cadangan ke arah penambahbaikan MHI supaya lebih dikenali masyarakat khususnya di negeri ini pada masa akan datang.

"Cubalah buat yang terbaik supaya MHI menjadi pilihan nombor satu di Melaka," katanya.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah MHI, Fadhillah Md Saleh.

Pada masa yang sama, Sulaiman turut mencadangkan akhbar MHI dilanggani oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri

(Japerun) serta agensi kerajaan di negeri ini.

Jelasnya, usaha itu bagi memudahkan rakyat di negeri ini mengetahui perkembangan terkini yang sedang, telah dan bakal kerajaan negeri lakukan, selain dapat membantu MHI menambah pendapatan bagi menampung kos operasinya.

"Ada beberapa penambahbaikan boleh dilaksanakan dengan bantuan daripada agensi kerajaan. Dulu banyak agensi kerajaan menerima atau diberikan surat khabar Melaka Hari Ini.

"Malah rakyat mendapat info-info terkini mengenai apa kerajaan negeri lakukan dan bakal lakukan," katanya.



SULAIMAN bergambar bersama warga kerja MHI sebelum beliau mengakhiri sesi lawatannya itu.

Melaka terima transaksi jualan rumah RM1.3 billion

Liana Sahabudin

PERINGGIT – Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) menerusi Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2019 merekodkan nilai jualan rumah bernilai RM1.3 billion di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, nilai tersebut membabitkan sebanyak 3,007 unit rumah yang telah terjual.

"Justeru, Kempen Pemilikan Rumah kali ini membolehkan pemaju perumahan mempromosi produk mereka kepada bakal pembeli rumah seterusnya membantu kerajaan negeri merealisasikan visi 'Satu Keluarga Sebuah Rumah'.

"Kempen ini juga disertai dua agensi Kerajaan dan 13 pemaju perumahan swasta dengan 40 projek di Negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup Kempen Pemilikan Rumah

Negeri Melaka 2021 dan Pelancaran REHDA Melaka FB E-Properties Advertisement mewakili Ketua Menteri Melaka di sebuah pasar raya di sini, baru-baru ini.

Jelasnya, selain daripada harta tanah perumahan HOC yang berdaftar, pembeli berpeluang mendapatkan informasi pelbagai jenis harta tanah mampu milik di bawah Lembaga Perumahan Melaka (LPM) dan PR1MA.

"Kerajaan negeri akan terus menjalin kerjasama dengan REHDA Melaka dan pemaju swasta.

"Maklum balas dan cadangan yang dikemukakan pi-hak REHDA Melaka mengenai Dasar Perumahan Negeri Melaka sudah pasti akan dikaji, diteliti dan dipertimbangkan sewajarnya demi manfaat rakyat dan industri pembangunan di negeri ini," katanya lagi.

Hadir sama Pengarah Eksekutif LPM Mohd Salleh Hamidom; Pengerusi Pengangur HOC-MAPEX 2021, Datuk Ngoh Chun How dan Pengerusi Rehda Melaka, Datuk Ng Choon Koon.



ABDUL Ghafaar (dua kiri) ketika menyempurnakan simbolik perasmian Majlis Penutup Kempen Pemilikan Rumah Negeri Melaka 2021 dan Pelancaran REHDA Melaka FB E-Properties Advertisement di sebuah pasar raya, baru-baru ini.

Kempen Shop@Melaka Tawar diskau 85 peratus

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Rakyat Melaka berpeluang menikmati potongan harga 'runtuh' sehingga 85 peratus ketika membeli pelbagai barang di pasar raya terpilih menerusi kempen Shop@Melaka bagi persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, kempen itu dilancarkan sepanjang Ramadan hingga Hari Raya Aidilfitri bertujuan bagi menggalakkan orang ramai berbelanja dengan harga murah.

Katanya, sebanyak tujuh

pasar raya besar di negeri ini terbabit dalam kempen selama sebulan itu antaranya Freeport A'Famosa Outlet (FAO), Mahkota Parade, AEON Bandaraya Melaka dan Dataran Pahlawan.

"Menerusi kempen ini anak Melaka boleh mendapat potongan harga sehingga 85 peratus, manakala semua pengunjung yang lahir luar Melaka tetapi menetap di negeri ini boleh mendapat potongan harga 80 peratus.

"Kempen ini juga bertujuan menggalakkan aktiviti beli-belah di premis yang terkesan akibat pandemik COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Berbuka Puasa di MTC Hotel bersama anak-anak Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin (PAYASUM) dan Maahad Tahfiz di sekitar Melaka, baru-baru ini.

Menurut Muhammad Jailani, kerajaan negeri menggalakkan lebih ramai pemilik premis serta kempen berkenaan.

"Sila kemukakan perancangan untuk bergabung dalam platform Shop@Melaka kerana kita memang hendak memberikan rakyat berbelanja harga runtuh," tambahnya.

KPE ITP menang Anugerah Buku Negara

Muhsin Rizanizam Hamid

AYER KEROH – Buku 'Menggenggam Nusantara Raya-Pasca COVID-19: Resesi Ekonomi atau Kebangkitan?' menjadi pemenang Anugerah Buku Negara 2020/2021 pada Persidangan Industri Kreatif Kebangsaan 2021 baru-baru ini.

Anugerah disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed kepada penulis buku berkenaan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP), Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif.

Ini adalah kemenangan kali keempat Dr Sabri di Anugerah Buku Negara sebagai penulis buku.

Menurut Dr Sabri, buku 'Menggenggam Nusantara Raya-Pasca COVID-19: Resesi Ekonomi atau Kebangkitan?' memenangi anugerah bagi Kategori Anugerah Khas UNESCO-Kuala Lumpur World Book Capital 2020 Buku Ekonomi dan Masa Depan Nusantara.

"Manakala bagi kategori Buku Umum Terbaik pula, turut menjadi pemenang adalah buku tulisan saya berjudul



DR Sabri

'Generasi Ulul Albab Mewajah Komuniti 5.0 dan Karakter Inovasi Pada Era Industri 4.0' terbitan Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBM).

"Kedua-dua buku ini diterbitkan pada tahun 2019 dan awal 2020, sewaktu saya bertugas sebagai pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousaha-wanan (FPTT), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau pada masa sama turut berterima kasih kepada semua pihak yang banyak membantunya, memberi dorongan dan semangat se-waktu tempoh mencabar lebih 20 bulan menghasilkan buku-buku berkenaan.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondiae87@
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76ridwan@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura.981@
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018-329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGIKLANAN
NAQUIB JAUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZADA RAIHANAH IDRIS
izralhanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khaldzir@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYARIAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zarkari@
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzatti98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my



FAO antara tujuh pasar raya besar di negeri ini terbabit dalam kempen Shop@Melaka. Gambar Fail



Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-18 Bandaraya Melaka Bersejarah

Pada

15 April 2021

Setulus ikhlas daripada



Pengurus Besar, Pengurusan
dan Seluruh Warga Kerja
Yayasan Melaka



ZON EKONOMI PERSISIR PANTAI MELAKA (M-WEZ)

Merangkumi keluasan seluas 25,000 ekar kawasan persisir pantai dan tambakan laut sepanjang 33 km daripada utara ke selatan. Mengandungi lima komponen - Melaka Harbourfront, Smart Logistic Nucleus, Digital Satellite Township, Central Eco Business Park dan Trade Nucleus Township



5 FAKTA MENCENAI ZON EKONOMI PERSISIR PANTAI MELAKA (M-WEZ)



Menjadi 'Big Move' kepada pembangunan negeri Melaka



Sasaran utama pelaburan yang berkualiti yang dapat mewujudkan lebih 10,000 pekerjaan baharu



Dijangka dapat menarik pelaburan sebanyak RM100 bilion dan menyumbang sehingga 5.0 peratus kepada KNK negeri Melaka



WEZ adalah Flagship utama dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035, yang melakar halatuju negeri Melaka dalam tempoh 15 tahun



Kedudukannya yang strategik, pelabuhan yang dalam dan akses kepada pasaran Sumatra antara beberapa kelebihan. Satu-satunya koridor yang berorientasi maritim



Apa tu M-WEZ?

Zon Ekonomi Persisir Pantai Melaka

Berapa luas?

25,000 ekar dan panjang 33 km

Terletak di mana?

Di persisir pantai Melaka

Kenapa tubuh M-WEZ?

Tingkat ekonomi Melaka, sedia 10,000 pekerjaan baharu dan tarik RM100 bilion pelaburan



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Nikmati, jiwai Ramadan tahun ini

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

IBN Rajab al-Hanbali ada menyebut : "Mereka (para sahabat) berdoa kepada Allah selama enam bulan agar mereka dapat menemui Ramadan." Pernyataan ini memberi gambaran jelas kegembiraan sahabat Rasulullah SAW untuk berada dalam Ramadan dan melaksanakan tuntutannya.

Tidak dapat dinafikan Ramadan adalah bulan ibadah bagi umat Islam. Hal ini tidaklah bermakna umat Islam tidak melakukan ibadah pada bulan lain, namun Allah SWT menghadirkan Ramadan dengan amal ibadah yang cukup banyak serta ganjaran yang berlipat kali ganda daripada biasa.

Pada Ramadan, umat Islam diwajibkan menunaikan ibadah puasa sepetimana diperintahkan juga kepada umat terdahulu dan ini bermakna ibadah puasa satu ibadah yang kekal difardukan Allah SWT kepada manusia sejak berzaman.

Selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud: "Wahai orang yang beriman, kalian diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas umat yang terdahulu daripada kalian, supaya kalian bertakwa." (Surah al-Baqarah, ayat 183).

Maka untuk mencapai ketakwaan kepada Allah SWT, seseorang Muslim tidak boleh mengetepikan ibadah puasa Ramadan sama sekali.

Sememangnya ibadah puasa yang dilakukan dalam Ramadan memenuhi cakupan takwa sekiranya seseorang Muslim benar-benar meningkatnya dengan penuh keikhlasan kerana Allah SWT.

Justeru, Rasulullah SAW mengingatkan umatnya mengenai puasa yang tidak diterima Allah SWT yang

ANTARA KEISTIMEWAAN BULAN RAMADAN

1. Allah menurunkan al-Quran pada malam Lailatul Qadar
2. Bulan khusus umat Islam menjalankan ibadat puasa di siang hari dan sunat Tarawih dan bersahur pada malamnya



mana peringatan ini perlu disematkan dalam minda setiap orang Islam agar ibadah puasa yang dilakukan nanti tidak sia-sia.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Betapa ramai orang yang berpuasa, (tetapi) tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar." (Hadis riwayat Ibn Majah).

Hakikatnya tidak semua ibadah puasa yang dilakukan orang Islam akan diterima oleh Allah SWT dan hanya puasa yang menepati piawaian yang ditetapkan akan diterima oleh-Nya.

Setiap Muslim perlu menekuni ilmu mengenai puasa menerusi bacaan kitab ataupun kuliah agama di televisyen, radio atau secara dalam talian yang membincarkan perihal puasa Ramadan.

Memang benar ibadah puasa ditunaikan saban tahun namun marilah kita berazam agar puasa Ramadan

tahun ini adalah puasa yang terbaik kualitinya berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Ada orang yang berpuasa namun agak malas untuk bangun menikmati nikmatnya bersahur dan masih ada yang melengah-lengahkan berbuka puasa kerana beranggapan semakin panjang tempoh tidak makan atau minum maka semakin banyak pahala yang akan diperoleh.

Begini juga perbuatan orang yang berpuasa, tetapi masih tetap berkap bohong, kekal membuka keibaan orang lain, mengumpat dan sebagainya.

Namun yang paling ketara adalah sikap pembaziran ketika menyediakan juadah berbuka puasa yang mana semua perbuatan ini pastinya boleh merosakkan kualiti ibadah puasa itu sendiri.

Menjadi keutamaan umat Islam yang beriman sentiasa sematkan di dalam hati sesungguhnya setiap iba-

dah yang dilakukan perlu difahami kaedah pelaksanaannya dengan betul bagi memastikan ibadah itu diterima Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud: "Oleh itu, sesiapa

yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekuatkan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya." (Surah al-Kahfi, ayat 110)

The poster features a dark blue background with gold-colored Arabic calligraphy at the top. Below it, the text "Thya RAMADHAN BERSAMA MUALLAF NEGERI MELAKA" is written in a stylized font. A circular logo for "Muallaf Negeri Melaka" is positioned next to the text. The poster includes details about the event: "Tempat: Kompleks Darul Huda", "Masa: 1 Ramadhan Sehingga 30 Ramadhan", "Aktiviti: Iftar Berbuka Puasa, Solat Terawikh Berjemaah, Tazkirah Ramadhan, Zikir Munajat", and social media links for www.maim.gov.my, admin@maim.gov.my, www.facebook.com/maimmelaka, and www.instagram.com/maimmelaka.

The advertisement features a hand holding a small plant growing in soil. The text "JOM BERWAKAF" is prominently displayed in large gold letters, with the tagline "Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat" below it. The text "Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya" is also present. At the bottom, the website "https://www.iwakaf.maim.gov.my/" is shown, along with the Hadith quote "Hadith Riwayat Muslim".



YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil berkenan menghadiri Majlis Cerapan Hilal Ramadan bertempat di Balai Cerap Al-Khawarizmi baru-baru ini.



PRIHATIN...Mangsa kejadian ribut, Ahmadah Mohamad telah menerima sumbangan wang tunai dan kit makanan yang telah disampaikan oleh Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM.

Kejadian ribut yang berlaku di Kampung Berangan Enam dalam DUN Serkam itu telah menyebabkan kerosakan teruk pada bumbung rumah mangsa mengakibatkan bumbung berkenaan tercabut namun tiada kecederaan dan kemalangan jiwa berlaku.



MI NOTE 9

BADAN Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM diketuai Ketua Seksyen Pembangunan Insan Agihan Zakat, Arina Saffura Alim menyampaikan sumbangan wakalah sebuah katil oleh Rural Capital kepada asnaf, Ruslan Che Rus baru-baru ini. Pesakit merupakan asnaf MAIM yang menerima bantuan secara bulanan dan kini menghidap penyakit barah otak tahap 4 yang mendapat perhatian sebeiknya daripada MAIM.



KETUA Pegawai Eksekutif (KPE) Zakat Melaka (ZM), Datuk Ibrahim Fadzil hadir menyaksikan dan menyampaikan sumbangan katil kepada Nyacik Saleh yang lumpuh anggota badan serta mempunyai penyakit kencing manis yang kronik. Sumbangan katil ini merupakan kerjasama antara Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk keselesaan dan kemudahan mereka yang memerlukan.



Tiada akad, sah ke bayar zakat?



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

APABILA tibanya bulan Ramadan, semua umat Islam wajib menuaikan ibadah Zakat Fitrah mereka sebagai tuntutan agama dan menyempurnakan rukun Islam yang ke-3. Ianya adalah kewajipan yang wajib dilaksanakan di bulan Ramadan bertujuan membersihkan harta dan menyucikan jiwa daripada akhlak buruk.

Oleh yang demikian, bagi memudahkan masyarakat Islam untuk menuaikan ibadah Zakat Fitrah ini. Zakat Melaka (ZM) telah menyediakan kemudahan pembayaran zakat dalam talian (online). Aplikasi pembayaran fitrah online ini adalah bertujuan bagi mengelakkan seseorang bertangguh dan terlupa untuk menuaikan kewajipan ini. Ini juga memudahkan seseorang yang berada di luar negara menuaikan Zakat Fitrah.

Namun begitu, ada segelintir masyarakat yang mempertikaikan pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (online). Ini kerana pendapat mereka mengatakan tiada akad berlaku ketika menuaikan fitrah online tersebut. Maka mereka merasa ketidak sempurnaan pembayaran zakat.

"Tak mahu lah aku bayar zakat secara online ni tak ada akad..."

"Tak ada feel aku nak bayar zakat kalau tak ada akad ni..."

"Bukan ke akad bayar zakat ini wajib?..."

"Bayar zakat secara online ini tiada akad.. sah ke?..."

■■■ Aplikasi pembayaran fitrah online ini adalah bertujuan bagi mengelakkan seseorang bertangguh dan terlupa untuk menuaikan kewajipan ini. Ini juga memudahkan seseorang yang berada di luar negara menuaikan Zakat Fitrah. ■■■

"Boleh ke bayar online, macam tak yakin je nak bayar sebab tiada akad"

Ijab dan Qabul adalah isu yang hangat diperkatakan oleh masyarakat kini. Maksud ijab dan qabul adalah suatu perbuatan untuk menunjukkan suatu keredaan dalam berakad antara dua orang atau lebih. Pelaksanaan zakat seseorang sah di sisi syariat apabila berlaku dua perkara iaitu niat menuaikan zakat dan pemindahan harta atau wang zakat tersebut.

Apabila seseorang individu itu menuaikan zakat menerusi medium seperti ini melalui aplikasi SMS atau pembayaran dalam talian (online payment), niat sudah berlaku ketika itu dan pemindahan pegangan harta yakni wang itu juga sudah berlaku. Jadinya zakat yang dibayar telah mencukupi syarat-syarat SAH pembayaran zakat tersebut, hukum berzakat dengan kaedah ini adalah HARUS dan digalakkkan.

Menurut Keputusan Jawatankuasa Fatwa yang bertarikh 9 Jun 2011 telah memutuskan, "Pembayaran Zakat Fitrah melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah HARUS dengan syarat pihak yang menyediakan perkhidmatan tersebut hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (Majlis) sebagai agen yang hanya akan membuat pungutan Zakat Fitrah melalui kaedah SMS di Negeri Melaka bagi suatu tempoh yang dibenarkan oleh Majlis Agama Islam Melaka".

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan Keputusan Fatwa Negeri Selangor yang bertarikh 24 Disember 2010 telah menyatakan, "Hukum pembayaran Zakat Fitrah melalui pembayaran ELEKTRONIK berdasarkan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) sama ada secara prabayar atau pascabayar adalah HARUS.

Manakala hukum menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui Internet, mesin ATM dan e-Debit adalah HARUS".

Islam adalah agama yang bersifat menyuruh iaitu menerima perubahan dari semasa

ke semasa. Dengan kewujudan teknologi dan inovasi ini banyak membantu kita melaksanakan ibadah dengan lebih mudah dan cepat. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT. dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 : Yang bermaksud : "...Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan ianya tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran...."

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Zakat fitrah MELALUI PORTAL e-BAYAR KERAJAAN NEGERI MELAKA Memudahkan Anda Menuaikan ZAKAT FITRAH

ebayar.melaka.gov.my



JENIS BERAS (Kadar RM 7.00)	Panduan kira mengikut tanggungan
Super Spesial Tempatan (5% hancur & ke bawah)	1 orang RM 7.00, 2 orang RM 14.00, 3 orang RM 21.00, 4 orang RM 28.00, 5 orang RM 35.00, 6 orang RM 42.00
*Panduan kira mengikut tanggungan	1 orang RM 7.00, 2 orang RM 14.00, 3 orang RM 21.00, 4 orang RM 28.00, 5 orang RM 35.00, 6 orang RM 42.00

ZAKAT FITRAH

JENIS BERAS (Kadar RM 14.00)

Beras Super Impor, Beras Pengang, Beras PUL, Herba Pori, Beras Wongi, Beras Basmati, Beras Jepun & Beras Merah

*Panduan kira mengikut tanggungan

JENIS BERAS (Kadar RM 14.00)	Panduan kira mengikut tanggungan
Beras Super Impor, Beras Pengang, Beras PUL, Herba Pori, Beras Wongi, Beras Basmati, Beras Jepun & Beras Merah	1 orang RM 14.00, 2 orang RM 28.00, 3 orang RM 42.00, 4 orang RM 56.00, 5 orang RM 70.00, 6 orang RM 84.00
*Panduan kira mengikut tanggungan	1 orang RM 14.00, 2 orang RM 28.00, 3 orang RM 42.00, 4 orang RM 56.00, 5 orang RM 70.00, 6 orang RM 84.00



SERAHAN sumbangan al-Quran kepada beberapa agensi kerajaan dan korporat di negeri ini bagi kegunaan dan manfaat bersama dalam kehidupan sehari-hari. Wakaf al-Quran itu merupakan kerjasama antara Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang juga bertujuan menyampai kesedaran berkaitan pemahaman intipati tafsir al-Quran yang merangkumi kehidupan dan sahisah diri umat Islam khususnya.



PERBINCANGAN bersama status tapak Madrasah Al-Falah yang juga merupakan Surau Kampung Padang Kemunting di Kariah Pengkalan Balak. Hadir sama Ketua Unit Wakaf MAIM, Nasri Buchik.



LAFAZ wakaf telah disempurnakan oleh pewakaf, Datuk Sarif Hamid yang juga merupakan mantan Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) baru-baru ini. Beliau telah mewakafkan tanah di atas lot 2521, Mukim Rim dalam daerah Jasin bagi memberi kemudahan tambahan Sekolah Rendah Agama (JAIM) Chenderah.

PERKHIDMATAN' BAYARAN' SECARA "ONLINE"

WAKAF TUNAI

- Wakaf Perubatan
- Wakaf Pendidikan
- Wakaf Pembangunan
- Wakaf Masjid, Surau dan Madrasah

FIDYAH

- Denda yang dikenakan ke atas orang Islam yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu @ melewatkana puasa ganti (qada') pada bulan Ramadhan
- Hukumnya WAJIB disempurnakan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan

Layari laman sesawang
<https://ebayar.melaka.gov.my>

Ke Manakah Wakaf Anda?

Jam Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka

Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Kaedah bayaran #1 MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2 Download APPS e-WALLET BOOST


Kaedah bayaran #3 Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4 MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM) 0401 5010 0174 34

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



SELAMAT MENYAMBUT
Ulang Tahun Ke-18
Bandaraya Melaka Bersejarah
15 APRIL 2021

Ikhlas Daripada:

Ahli Lembaga Pengarah dan Seluruh Kakitangan
Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka



PPSPM

فَرِيدَانْ فَمْبَاغُونْ سُوْغَيْ دَانْ فَتَنَيْ مَلَكْ
Perbadanan Pembangunan
Sungai dan Pantai Melaka

Melaka River and Coastal Development Corporation





SMART A+

SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : SEJARAH

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :
011-15116270 / 019-2886270".

SEJARAH TINGKATAN 5 BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA KERTAS 1

1. Apakah perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada konsep kedaulatan ?
 A. Aulad
 B. Daulah
 C. Derhaka
 D. Supernuus

2. Apakah taksiran tokoh berikut berkaitan kedaulatan?
 A. Kuasa tertinggi
 B. Semangat beragama
 C. Kerajaan perlombagaan
 D. Kekebasan dan keadilan

3. Senarai berikut menunjukkan jenis kedaulatan.

- Kedaulatan x
- Kedaulatan moden
- Kedaulatan antarabangsa
- Kedaulatan undang-undang

Apakah X?

- A. Asasi
 B. Bersyarat
 C. Tradisional
 D. Ketenteraan

4. Apakah maksud kedaulatan antarabangsa ?
 A. Kuasa mutlak pemerintah
 B. Semangat nasionalisme rakyat
 C. Persamaan rumpun bangsa dan Bahasa
 D. Pengiktirafan PBB terhadap sesebuah negara

5. Apakah ciri-ciri negara berdaulat?
 A. Memiliki sumber bahan mentah
 B. Mengamalkan sistem demokrasi
 C. Mempunyai rakyat dan sempadan
 D. Menjalin hubungan dengan kuasa luar

6. Gambar berikut menunjukkan hubungan Malaysia dengan negara lain.



Apakah kesan jalinan hubungan tersebut ?

- I melahirkan generasi berilmu
 II Memperkuatkkan perpaduan rakyat
 III Mempertahankan kedaulatan negara
 IV Menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang

- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

7. Apakah kepentingan pelaksanaan dasar berikut ?

- Rukun negara
- Bahasa kebangsaan

- A. Menyatukan rakyat
 B. Memupuk daya saing
 C. Menjamin kemakmuran
 D. Memelihara hak asasi rakyat

8. Apakah peranan pemerintah untuk mencapai matlamat berikut ?

- Mewujudkan kestabilan politik
- Menjamin kemakmuran ekonomi

- A. Memberikan kesetiaan
 B. Mengukuhkan parti politik
 C. Menjamin kemakmuran
 D. Menghormati lambang negara

9. Bagaimanakah pemerintah dapat mengukuhkan pertahanan negara?

- I Memodenkan asset ketenteraan
 II Mengadakan perjanjian pertahanan
 III Mengamalkan ideologi Rukun Negara
 IV Menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan

- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

10. Antara berikut, yang manakah merupakan peranan rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara ?

- A. Menganggotai pasukan keselamatan
 B. Mewujudkan pentadbiran yang cekap
 C. Menjalin kerjasama dengan negara luar
 D. Menggubal dasar pembangunan ekonomi

SUDUT KBAT

SUDUT KBAT

1. Keratan akhbar berikut menunjukkan Sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara kita,



Sumber: Berita Harian, 11 April, 2017



Sumber: Berita Harian, 14 Disember, 2016

- a) Terangkan maksud Sistem Raja Berperlembagaan.

.....

- b) Sistem Raja Berpelembagaan masih relevan kepada Malaysia pada masa kini.
 Berikan penjelasan anda.

.....

- c) Bagaimanakah anda menunjukkan taat setia kepada raja dan negara?

.....



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

ON 18 April 1955, President Sukarno declared in his opening address to the Asian-African Conference in Bandung, "This is the first intercontinental conference of coloured peoples in the history of mankind." It was held to eliminate colonialism, and to promote Afro-Asian solidarity.

Not many would remember that Indonesia had a prime minister then. The man behind the conference was Ali Sastroamidjojo. Ali who was prime minister in 1953-5 and 1956-7, conceived the idea of a conference of leaders of the newly independent Asian and African nations while he was Indonesia's ambassador to the UN and in Washington in 1950-3.

In the 1920s in Netherlands, he established the first nationalist organization there, the *Perhimpunan Peladjar Indonesia* (PPI), the Indonesia Students Association. He also had contacts with the League Against Imperialism. Ali returned to Java in 1928. By 1945 he was among the leadership in the *Partai Nasional Indonesia*, with Sukarno.

In 2018, I visited the Museum Konferensi Asia-Afrika, located at No. 65, Jalan Asia-Afrika in Bandung. The first thing I encountered was a curatorial lecture at the foyer. I saw a group of high schools students, and joined them to listen. It turned out to be a splendid history lesson on the decolonization movement, and the spirit of self-determination of a new postcolonial nation that is Indonesia.

I subsequently toured the gallery. The displays captured the moment in 1955, to be exact the period between 18 to 24 April of that year. Posters, publications and press coverage of the event evoked the mood during that period. It was said to be an important event in the history of Indonesia's foreign policy. The year 1955 was 10 years after Indonesia announced her independence.

The Bandung Conference was the voice of Asia. It marked "the political emergence in world affairs of over half of the world's population," said prime minister Nehru of India. It was an awakening which can be traced much earlier.

Jamie Mackie, who was the foundation professor in the depart-

Bandung: The Voice of Afro-Asian Political Decolonialization



ment of Political Science and Social Change in the Research School of Pacific and Asian Studies at the Australian National University from 1978 to 1989 observed that in over the course of a century, there were

from such countries as Egypt, Ghana and India. What was the influence of the Bandung Conference on the subsequent course of world events? Mackie had argued that Bandung had contributed greatly to the cli-

set the tone of what was expected of him. He reminded of the chasm between nations and groups of nations. And he asked how was it possible for "us to be disinterested in colonialism?"

Indonesia had used their armed forces against the new nation state of Malaysia. To Sukarno, it was a confrontation against colonialism.

Nevertheless, Bandung symbolizes the counter-hegemony of the Vasco da Gama epoch. It inspired great visions and new ideas for the future. It was a landmark of consensus politics. If not at least it produced a piece of batik dedicated to Asian-African solidarity and the struggles of the "New Emerging Forces" by incorporating an Indonesian *banteng* (wild bull), a Chinese dragon, a Middle-Eastern winged horse, and Afro-Asian elephant.

According to Mackie, that piece of hand-drawn batik, on cotton, using natural dyes, measuring 105 by 250 cm is embodied at the National Gallery of Australia Collection in Canberra.

NEXT WEEK: **'Benua Melayu'**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

// In his opening address on Monday morning on 18 April, Sukarno set the tone of what was expected of him. He reminded of the chasm between nations and groups of nations. And he asked how was it possible for "us to be disinterested in colonialism.? //

many awakenings. What is important is that Bandung signified in 1955 that Asia had awakened and demanding their voices to be heard.

In his book, *Bandung 1955: Non-Alignment and Afro-Asian Solidarity* (2005), he cited that Pan-Asianism and Pan-Africanism, as well as the global solidarity of colonised peoples had been overshadowed by other events and topics. These included the Cold War with its height in 1954-5, the Korean War, the Taiwan Straits Crisis and the Vietnam armed struggle for independence. These were all sources of tension and anxiety, along with nuclear testing in the Pacific.

A total of 29 nations were represented in Bandung. There was a strong spirit of nationalism, coming

mate of world opinion. Bandung can be seen today as a fleeting moment of convergence of various trends in the postcolonial history of the world.

That moment soon gave away to divergence – wars and disputes among participating nations, as the world order becomes more fissured and multipolar. But its origins of postcolonial aspirations toward Asian and African unity and solidarity are still worth pondering this century. Sukarno's call to build the world anew is no rhetoric. It is perpetual under present global conditions. Neo-colonialism and imperialism are far from retreating to their own backyard.

In his opening address on Monday morning on 18 April, Sukarno

"...colonialism is not something far and distant. We have not it in all its ruthlessness...But we should not think of it as something that is dead, not only in the classic form as we all know...Colonialism also has its modern dress, in the form of economic control, intellectual control, actual physical control by a small but determined minority with a nation. It is a skillful and determined enemy. Colonialism is an evil thing, and one that must be eradicated from this earth."

Sukarno understood what colonialism is. He left the spirit that prevailed throughout much of Asia and Africa. But not long after, his call for unity in a common detestation of colonialism found its expression in *Konfrontasi* some eight years after.

‘Syukur boleh niaga Ramadan kali ini’

Liana Sahabudin

BUKIT KATIL – “Saya tak tahu cara orang lain tapi saya nak ubah kehidupan keluarga dan tidak mengharapkan bantuan semata-mata.”

Itu tekad ibu kepada enam anak, Nurul Asikin Ismail, 43, yang bersyukur apabila dapat kembali bermiaga pada Ramadan kali ini berbanding tahun lalu semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Menurutnya, pernah dalam sebulan hanya enam tempahan set makan tengah hari (sebelum Ramadan) yang diterimanya.

“Rasa berat tapi saya teruskan juga selagi boleh, tapi Alhamdulillah dua bulan ini dapat banyak juga tempahan, dapatlah beli barang keperluan di rumah.

“Perancangan bulan puasa ni nak jual lauk-pauk

dalam pakej set tapi COD (pembayaran semasa pengantaran) juga, bukan tak mahu sewa tapak, cuma lebih selesa kumpul tempahan banyak-banyak,” katanya ketika ditemui MHI di Rumah Pangsa Taman Saujana Permai, baru-baru ini.

Katanya, jika bukan di bulan puasa dia dan suami memilih untuk bermiaga di hadapan sekolah berdekatan rumah kerana memudahkan urusannya yang masih mempunyai anak kecil.

“Anak saya enam orang, dewasa umur 17 tahun (perempuan) dan kecil sekali umur empat tahun, setakat ini yang bersekolah lima orang iaitu tingkatan lima, tingkatan empat, darjah enam, darjah dua dan darjah satu.

“Suami niaga juga dia pun boleh memasak, macam bulan puasa ni kami jual set ayam penyet, pecel

lele, nasi kurma ayam dan bubur nasi berlauk.

“Lepas raya Aidilfitri kalau ada rezeki kita nak ke depan lagi, jual menu lain supaya tak sama dengan kawan-kawan yang niaga,” katanya yang bermiaga sejak tahun 2017.

Nurul Asikin berkata pada awalnya dia hanya bermiaga ‘ice blended’ dan aiskrim Malaysia, namun kerana pendapatan kurang lumayan dia memilih untuk bermiaga makanan.

“Niaga ada turun naik, lepas tu saya fokus kepada makanan mula-mula ayam gunting, sosej dan carbonara dengan pakej hanya RM1.

“Bagi saya walaupun hidup susah tapi jangan ambil keuntungan semata-mata. Pernah juga dapat tempahan makan tengah hari sampai 150 bungkus sehari, syukur rezeki Allah nak bagi,” katanya dengan nada gembira.



NURUL Asikin menunjukkan kuih bakar pandan yang akan dijual kepada pelanggan.

TAMAN PASIR EMAS

CIRI-CIRI MENARIK

- ✓ PEGANGAN BEBAS (FREEHOLD)
- ✓ Sedia diduduki dengan CCC
- ✓ Hanya 10 minit ke pusat bandar dan Melaka Raya



HARGA DARIPADA

RM 7XX,XXX.XX

**RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT
(SEMI-D) 40' X 85'
5 Bilik + 2 Utiliti + 5 Bilik Air**

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :
Yakin Kenari Sdn. Bhd.
014-3314363 (Puan Sue)
018-7725854 (Ms Cindy)
06-3354363 (Pejabat)

Pemodenan pembedahan melalui laparoskopi



DR. SHANKAR GUNARASA

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

PEMODENAN teknologi memberi kesan dan impak kepada semua tahap kehidupan. Industri kesihatan tidak terkecuali dari revolusi pemodenan ini.

Pembedahan laparoskopi atau lebih di kenali pembedahan invasif minimal, adalah kaedah pembedahan yang baru di mana insisi kecil di lakukan di bahagian abdomen berbanding cara pembedahan konvensional.

Dari insisi inilah kamera teleskop 2D atau yang terkini kamera 3D dimasukkan. Dengan ini pakar bedah boleh menggambarkan dan melihat organ dalaman di skrin, menjadikan pembedahan lebih mudah dan selamat. Untuk mempermudahkan pembedahan, ruang abdomen biasanya akan dinaikkan dengan karbon dioksida (CO₂) bertekanan, yang tidak mudah terbakar dan mudah diserap ke dalam badan.

Hampir semua jenis pembedahan boleh menggunakan sistem pembedahan laparoskopi anataranya apendiks, angin pasang (hernia), pundi hempedu, batu karang, hati dan pembedahan kanser kolorektal.

Walaupun pembedahan ini telah berada beberapa dekad, namun cara pembedahan ini memerlukan kepakaran yang mendalam berbanding dengan kaedah pembedahan terbuka. Ini adalah kerana laparoskopi merupakan pembedahan teknikal rumit yang memerlukan koordinasi mata dan tangan yang baik untuk menavigasi struktur dalaman.

Kebolehan ini hanya boleh dicapai oleh

pakar bedah setelah bertahun tahun menjalani latihan terperinci.

KELEBIHAN DAN KEKURANGAN

Setiap pemodenan semestinya ada kelebihan dan kekurangannya dan berdasarkan kepakaran pakar bedah, yang paling mustahak komplikasi dielakkan dan keselamatan pesakit diutamakan.

Antara kelebihannya ialah:

- Insisi kecil memberi kurang kesakitan
- Membolehkan pergerakan awal dan pemulihan jangka masa singkat
- Kurang pendarahan dan tidak memerlukan pemindahan darah
- Fungsi pergerakan usus lebih cepat dari pembedahan konvensional
- Kos keseluruhan penginapan rendah dibabkan pesakit boleh pulang lebih awal

Antara keburukan ialah:

- Kemungkinan kecederaan kepada tisu disebabkan kurang persepsi
- Kesan buruk inflasi CO₂ dan stress kepada jantung, terutama sekali pesakit yang ada masalah jantung
- Mungkin sukar dilakukan kepada pesakit yang pernah menjalani pembedahan terbuka kerana kesan parut
- Mengambil masa lama untuk pembedahan berbanding dengan cara pembedahan secara konvensional
- Kesukaran melihat keseluruhan gambaran di abdomen berbanding dengan prosedur terbuka
- Parut di bahagian dalam perut dari pembedahan terbuka mempunyai kemungkinan komplikasi atau penyumbatan usus lebih tinggi dalam jangka masa panjang.

PEMULIHAN SELEPAS LAPAROSKOPI

Disebabkan kesan insisi yang kecil, pesakit dapat bangun dengan cepat dan bergerak dari katil. Berjalan dapat menormalkan usus dan mengurangkan kesan kembung dengan cepat.

Kesan kembung selepas pembedahan la-

- Walaupun kesan parut kecil, kebersihan perlu di jaga, terutamanya pesakit yang mengidapi kencing manis.



paroskopi memang biasa disebabkan inflasi gas CO₂ semasa pembedahan. Bergantung pada jenis pembedahan antara tiga hingga ke lima hari.

Walaupun kesan parut kecil, kebersihan perlu di jaga, terutamanya pesakit yang mengidapi kencing manis. Biasanya parut pembedahan dibalut untuk tiga hari dan pada hari ketiga, ia akan diperiksa oleh doktor.

Jika pembedahan laparoskopi berjaya tanpa komplikasi, pesakit dapat dilepaskan dari hospital, bergantung pada jenis pembedahan antara tiga ke lima hari.

Tiada pantang larang dari segi penjagaan makanan, tetapi secara lazimnya pemakanan secara seimbang digalakkan. Bagi pesakit kanser usus yang selesai menjalani pembedahan, pemakanan berdaging tidak digalakkan. Daging atau 'red meat' adalah tinggi dengan

besi (iron) dan iron adalah pro-oxidant. Ini akan mengakibatkan kerrosikan di dinding usus dan menggalakkan carcinogenesis. Sama juga makanan berlemak yang juga ada kesan sampingan seperti iron.

Bagi pesakit yang baru sahaja menjalani pembedahan angin pasang, senaman dan pergerakan aktif tidak digalakkan untuk dua minggu.

Walaupun insisi di badan adalah kecil, sama seperti pembedahan konvensional, ada beberapa pantang larang yang perlu di patuhi oleh pesakit. Sebagai peraturan, pesakit dibebaskan selama tiga hingga lima hari, tetapi ini tidak bermakna dia boleh kembali dengan irama kehidupan yang sama.

Selepas tiba di rumah, penting bagi pesakit untuk mengikuti garis panduan berikut:

- Semua perubatan dalam rejimen mesti diselaraskan dengan doktor yang hadir;
- Adalah penting untuk mengecualikan diri dari sukan atau aktiviti lasak untuk penyembuhan cepat jahitan;
- Perjalanan panjang tidak digalakkan dalam tempoh terdekat
- Mengangkat barang berat adalah di larang
- Jangan menggunakan krim pada jahitan, jika perlu, dapatkan kepastian dari doktor terlebih dahulu
- Pakaian yang selesa harus dipakai. Sehingga jahitan dikeluarkan, anda tidak digalakkan mandi

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan pembedahan laparoskopi, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



1

PARUTAN laparoskopi bagi pembedahan kanser usus.



2

PARUTAN dari pembedahan Konvensional.

Wakaf tanah demi SRA JAIM



JOHARI (tengah) dan isteri, Kasminah (kiri) dan cucu, Mohd Syafiq meneliti cenderahati yang diterima daripada Mohd Ali selepas perasmian SRA JAIM Ayer Pa'abas, Alor Gajah, baru-baru ini.

BUKAN mudah untuk mewakafkan tanah se-luas 0.4 hektar jika tanpa didorong rasa kasih dan cinta akan akhirat kerana tanah seluas itu mampu digunakan untuk pelbagai tujuan dunia.

Namun, bukan kepentingan dunia yang dikehjahan pesara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Johari Salleh, 68, sebaliknya pahala yang mengalir bak sungai di akhirat yang lebih utama.

Bapa kepada lima anak berusia antara 30 hingga 45 tahun itu berkata, beliau amat bersyukur kelima-lima anaknya bersetuju beliau mewakafkan tanah berkenaan untuk membina Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Ayer Pa'abas, Alor Gajah.

"Semasa kecil saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Pa'abas dan selepas merantau jauh, saya balik ke kampung dan mendapati murid SRA terpaksa menumpang di SK kerana tiada bangunan sendiri.

"Saya membuat tawaran kepada JAIM untuk mewakafkan tanah bagi membolehkan sekolah agama didirikan kerana saya tidak sanggup melihat anak-anak kampung terpaksa menumpang di SK," katanya.

Beliau ditemui selepas perasmian seko-lah berkenaan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, baru-

baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengurus Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Datuk Md Rawi Mahmud; Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Latipah Omar; Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Wira Ar. Ismail Othman serta Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsuddin.

Majlis berkenaan dihadiri kira-kira 200 ibu bapa dan anggota komuniti Ayer Pa'abas, selain Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Md Azhan Samat dan Guru Besar, Omi Kalsom Shahadan.

Tanah seluas 0.4 hektar diwakafkan Johari pada 2013 dan kerja pembinaan dimulakan pada 19 Januari 2019.

Bangunan berkenaan siap dibina pada 20 Januari 2020 dengan kos RM2.5 juta dibiayai kerajaan negeri.

Sekolah itu mempunyai 420 murid dalam dua sesi yang mengikuti Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

Johari berkata, setiap kali menyaksikan anak-anak kampung itu berulang alik ke sekolah, beliau amat bersyukur dan berdoa agar mereka menimba ilmu dengan penuh keber-katatan Allah.



SRA JAIM Ayer Pa'abas dibina di atas tanah yang diwakafkan oleh Johari.

Jangek jadi rebutan

Din Ahmad

PASAR Ramadan Masjid Tanah, ternyata amat dirindui penggemar jangek atau kulit kaki lembu yang harus dipanaskan atas bara selama beberapa jam sebelum dikikis bulunya.

"Selapis itu, ia dijemur antara dua hingga tiga hari dan hanya selepas itu, barulah kerja menghiris kulit kaki lembu itu boleh dibuat untuk mendapatkan kulit yang benar-benar lembut dan bersih," katanya ketika ditemui di bazar itu semalam.

Pada bulan biasa, jangek tidak disediakan kebanyakannya peniaga kerana ia agak rumit untuk dihasilkan.

Bagi peniaga pelbagai jenis lauk-pauk, Mohd Hafiz Azwan Mohd Azlan, 34, dan adiknya, Mohd Farhan Azwan, 33, jika jangek tidak disediakan, pelanggan tetap akan merajuk.

Mohd Hafiz berkata, tahun lalu mereka tidak menyediakan jangek kerana jualan secara dalam talian tidak semeriah jualan di Bazar Ramadan Masjid Tanah, di sini yang disertainya sebelum itu.

"Bukan mudah untuk menyediakan jangek iaitu kulit kaki lembu yang harus dipanaskan atas bara selama beberapa jam sebelum dikikis bulunya."

"Selepas itu, ia dijemur antara dua hingga tiga hari dan hanya selepas itu, barulah kerja menghiris kulit kaki lembu sebelum dibuat untuk mendapatkan kulit yang benar-benar lembut dan bersih," katanya ketika ditemui di bazar itu semalam.

Mohd Farhan berkata, jangek tidak sama rasanya dengan daging kerana jangek lebih kenyal dan lemak.

Katanya, rebung bukan setakat menambah kelazatan, malah meningkatkan aroma jangek yang sudah sedia berbau hangit berikutnya kerja menyalainya sebelum itu.

"Pelanggan amat menggemari jangek yang ada bau asap salai dan apabila diga-

bungkan dengan rebung masak lemak cili padi, ia amat membuka selera," katanya.

Lazimnya, kedua-dua beradik itu memasak jangek yang diambil daripada antara 12 hingga 16 batang kaki lembu sehari.

Satu mangkuk jangek dijual pada harga antara RM5 hingga RM15 bergantung kepada saiz bekas berkenaan.

Selain jangek, mereka turut menyediakan 31 jenis jualah lain yang kebanyakannya masak lemak cili padi yang menjadi kegemaran anggota komuniti di daerah ini.

Antaranya ialah limpa berempah, hati rendang, sotong goreng kunyit, telur sotong, daging salai masak lemak daun kayu, ikan keli salai, sifut masak lemak cili padi dan telur itik masak lemak cili padi.



SELAIN jangek, hidangan lain yang dijual oleh Mohd Hafiz dan Mohd Farhan sentiasa mendapat perhatian pelanggan Pasar Ramadan Masjid Tanah.

Cukai taksiran MPHTJ

Rekod tunggakan semasa lebih RM6 juta

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Lebih RM6 juta jumlah tunggakan cukai taksiran direkodkan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Tunggakan itu membabitkan tiga kategori kegunaan iaitu kediaman, perniagaan dan perindustrian yang berdepan tindakan tegas daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) itu jika gagal melangsaikan cukai itu.

Yang Dipertua MPHTJ Datuk Shadan Othman berkata, daripada tiga kategori itu bil tertunggak kediaman adalah tertinggi iaitu 1,956 bernilai RM5,078,928.78, diikuti perniagaan, 77 bil tertunggak (RM881,829.05) dan perindustrian, 12 bil tertunggak (RM596,737.09).

Beliau berkata, bagi kategori kediaman sebanyak 15 taman perumahan direkodkan mempunyai tunggakan tertinggi iaitu Taman Ayer Tasik Utama sebanyak RM468,016.72 membabitkan 410 bil tunggakan diikuti Vista Kirana RM335,201.91 (116), Angkasa Nuri/Industri Angkasa Nuri RM321,500 (334), Taman Ayer Keroh Heights RM307,688.87 (450) dan Taman Bukit Katil Damai RM305,779.71 (347), Taman Merdeka Jaya RM270,845.57 (354), Taman Merdeka/IKS Merdeka RM270,771.54 (305), Ozana Impian RM266,674.40 (155), Taman Dato' Tamby Chik Karim RM207,089.68 (255) dan Taman Melaka Baru RM217,276.94 (322).

"Ini diikuti Taman Muzaffar Heights, RM199,934.68 (156), Taman Muzaffar Shah RM164,411.59 (159), Taman Desa Idaman 2/Taman Desa Idaman RM162,212.56 (143), Taman Anjung Gapam RM161,166 (200), Melaka Perdana RM150,306.01 (60), Taman Merbok RM149,128.87 (107) dan Taman Merak Mas RM140,226.25 (154).

"Selain itu, Taman Bachang Baru RM139,285.66 (163), Country Villas Resort RM136,131.93 (103), Taman Bukit Melaka RM130,408.12 (105), Taman Jati RM122,412.38 (137) dan Taman Sentosa RM111,829.86 (54)," katanya.

Beliau berkata, taman peruma-



SHADAN

han lain merekodkan nilai tunggakan di bawah RM100,000 iaitu Taman Seri Jati RM76,670.86 (100), Raman Bunga Raya RM75,892.23 (116), Taman Malim Jaya/Industri Malim Jaya RM65,723.99 (123), Taman Merak RM64,877.24 (47) dan Taman Malim Permai RM57,465.03 (50).

Menurut Shadan bagi kategori perniagaan, premis di Taman Merdeka Jaya mencatat jumlah tertinggi iaitu RM188,468.18 membabitkan 52 bil tertunggak diikuti Taman Malim Permai RM102,771.44 (18), Taman Perindustrian Merdeka Permai RM102,646.26 (31), Pusat Perniagaan Putra Sentosa RM90,830 (24).

"Diikuti Taman Merdeka/IKS Merdeka RM75,614.69 (46), Taman Ayer Keroh Heights RM75,484.09 (14), Taman Tasik Utama RM43,492.20 (8), Taman Malim Jaya/Industri Malim Jaya RM41,280.43 (6), Taman Angkasanuri/Industri Angkasa Nuri RM39,931.15 (10), Taman Melaka Baru RM24,839.38 (9), Taman Merak Mas RM21,421.82 (2).

"Taman Bukit Melaka RM17,539.22 (7), Taman Desa Idaman 2/Taman Desa Idaman RM17,022.64 (5), Taman Muzaffar Shah RM10,437 (3), Taman Dato' Tamby Chik Karim RM9,710.50 (5), Taman Bunga Raya RM7,474.52 (7), Taman Bachang Baru RM6,430.78 (2) dan Taman Sentosa RM2,433.60 (1)," katanya.

Manakala bagi kategori perindustrian, premis di Taman Tasik

PEMASANGAN BANNER KAWASAN TUNGGAKAN YANG TINGGI BAGI TAHUN 2021
SENARAI TUNGGAKAN MENGIKUT KATEGORI KEGUNAAN & TUNGGAKAN TERTINGGI MENGIKUT KATEGORI SEHINGGA 31/03/2021

BIL	KAWASAN	BIL TERTUNGGAK	KATEGORI KEDIAMAN	BIL TERTUNGGAK	KATEGORI PERNIAGAAN	BIL TERTUNGGAK	KATEGORI PERINDUSTRIAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1	Taman Merdeka Jaya	354	270,845.57	52	188,468.18	16	30,544.83	489,858.58
	Taman Merdeka / IKS Merdeka	305	270,771.54	46	75,614.69	18	112,161.97	458,548.20
	Taman Perindustrian Merdeka / Taman Perindustrian Merdeka Permai	0	0.00	31	102,646.26	8	2,091.25	104,737.51
	Taman Angkasanuri / Industri Angkasa Nuri	334	321,500.17	10	39,931.15	5	95,025.00	456,456.32
	Taman Dato' Tamby Chik Karim	225	207,089.68	5	9,710.50	23	57,255.18	274,055.36
								1,783,655.97
2	Taman Tasik Utama	410	468,016.72	8	43,492.20	33	240,892.87	752,401.79
3	Taman Ayer Keroh Heights	450	307,688.87	14	75,484.09	0	0.00	383,172.96
	Taman Muzaffar Shah	159	164,411.59	3	10,437.00	0	0.00	174,848.59
								558,021.55
4	Ozana Impian	155	266,674.40	0	0.00	0	0.00	266,674.40
	Melaka Perdana	60	150,306.01	0	0.00	0	0.00	150,306.01
								416,980.41
5	Taman Merbok	107	149,128.87	0	0.00	0	0.00	149,128.87
	Taman Merak	47	64,877.24	0	0.00	0	0.00	64,877.24
	Taman Merak Mas	154	140,226.25	2	21,421.82	0	0.00	161,648.07
								375,654.18
6	Vista Kirana	116	335,201.92	0	0.00	0	0.00	335,201.92
	Taman Malim Jaya / Industri Malim Jaya	123	65,723.99	6	41,280.43	12	58,438.03	165,442.45
7	Taman Malim Permai	50	57,465.03	18	102,771.44	0	0.00	160,236.47
								325,678.92
8	Taman Bukit Katil Damai	347	305,779.71	0	0.00	0	0.00	305,779.71
9	Country Villas Resort	103	136,131.93	0	0.00	0	0.00	136,131.93
	Taman Anjung Gapam	200	161,166.00	0	0.00	0	0.00	161,166.00
								297,297.93
10	Taman Melaka Baru	322	217,276.94	9	24,839.38	0	0.00	242,116.32
11	Taman Bukit Melaka	105	130,408.12	7	17,539.22	0	0.00	147,947.34
	Taman Bunga Raya	116	75,892.23	7	7,474.52	0	0.00	83,366.75
								231,314.09
12	Taman Sentosa	54	111,829.86	1	2,433.60	0	0.00	114,263.46
	Pusat Perniagaan Putra Sentosa	0	0.00	24	90,830.00	0	0.00	90,830.00
								205,093.46
13	Taman Seri Jati	100	76,670.86	0	1,895.15	0	0.00	78,566.01
	Taman Jati	137	122,412.38	0	2,106.00	0	0.00	124,518.38
								203,084.39
14	Taman Muzaffar Heights	156	199,934.68	0	0.00	0	0.00	199,934.68
15	Taman Desa Idaman 2 / Taman desa Idaman	143	162,212.56	5	17,022.64	0	0.00	179,235.20
16	Taman Bachang Baru	163	139,285.66	2	6,430.78	1	327.96	146,044.40
	JUMLAH	1956	5,078,928.78	77	881,829.05	12	596,737.09	6,557,494.92

Utama mencatatkan jumlah tertinggi iaitu RM240,892.87 membabitkan 33 bil tertunggak, Taman Merdeka/IKS Merdeka RM112,161.97 (18) dan Taman Angkasanuri/Industri Angkasa Nuri RM95,025 (5).

"Taman Malim Jaya/Industri Malim Jaya RM58,438.03 (12), Taman Dato' Tamby Chik Karim RM57,255.18 (23), Taman Perindustrian Merdeka/Taman Perindustrian Merdeka Permai RM2,091.25 (18) dan Taman Bachang Baru RM327.96 (1)," katanya lagi.

Shadan berkata pembayar cukai taksiran diminta menyegerakan semua tunggakan cukai itu mengikut tempoh ditetapkan bagi mengelakkan denda berlebihan.

"Kita sekarang ini dalam kempen untuk pembayar membayar cukai dan berharap penduduk dapat melangsaikannya mengikut masa ditetapkan."

"Ada yang berdegil sejak mula duduk rumah sehingga sekarang tidak pernah bayar cukai, bayangkan kalau setahun RM900, kalau 10 tahun dah mencecah RM9,000," katanya kepada MHI.

Katanya, cukai taksiran tertunggak itu bukan hanya membabitkan kawasan perumahan biasa, malah di kawasan mewah.

"(Penduduk) kawasan yang mewah pun tak semestinya semua bayar ada juga yang masih berdegil."

"Cukai kita kutip ini dapat me-

nampung kerja kebersihan, pengindahan di keseluruhan kawasan Hang Tuah Jaya selain menyediakan kemudahan asas," katanya.

Jelasnya, MPHTJ sudahpun memberi kelonggaran kepada setiap pembayar cukai sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19.

"Dalam musim COVID-19 ini, kita beri kelonggaran sebanyak yang boleh, kalau ada denda tertunggak kita boleh kurangkan dengan semaksimum mungkin."

"Mungkin kita boleh kecualikan denda lewat, contohnya jika ada penghuni tidak membayar cukai dua hingga tiga tahun lepas, tetapi dia nak bayar sekali gus (cukai) kita boleh kecualikan denda tersebut," katanya lagi.

Masalah penceraian antara alasan tidak bayar cukai

MASALAH keluarga seperti perceraian, kewangan dan rumah di Melaka hanya 'rumah kedua' antara alasan diberikan pemilik kediaman di kawasan MPHTJ untuk tidak membayar cukai taksiran hingga mencecah jutaan ringgit. Datuk Shadan Othman berkata, setakat ini pihak-

nya masih menggunakan pendekatan 'berlembut' dan berharap pemilik kediaman terbabit bertanggungjawab.

Bermacam alasan diberikan mengapa mereka tidak bayar cukai taksiran ini misalnya masalah keluargaan seperti bercerai dan mahu buat tuntutan harta, jadi bila

tidak duduk rumah, jadi terbiarlah.

"Ada juga pemilik mengatakan rumah terbabit dijadikan sebagai rumah kedua tetapi mereka tinggal di luar, contohnya di Kuala Lumpur.

"Sebab itu mereka tidak bayar cukai taksiran kerana tidak duduk pun di rumah, cu-

ma jadikan tempat persinggahan," katanya sambil menambah ada kalangan pemilik rumah memberi alasan masalah kewangan punca mereka tidak melangsaikan cukai itu.

Mengulas lanjut, Shadan berkata, antara tindakan boleh dikenakan kepada pemilik rumah terbabit ter-

masuk sitaan dan tindakan mahkamah jika gagal melangsaikan tunggakan cukai taksiran itu.

"Yang sebenarnya tidak kira berapa jumlah cukai tertunggak yang tidak dibayar oleh pemilik rumah."

"Bila tidak bayar sahaja, MPHTJ mempunyai kuasa untuk ambil tindakan

mahkamah, namun kita masih bertolak ansur dan bagi peluang kepada mereka.

"Kita beri notis kepada penduduk, notis cukai dieluarkan setahun dua kali. Jika masih berdegil selepas

banyak kali bagi notis, kita akan pertimbang bawa ke mahkamah," katanya.

Harga barang di pasar basah terkawal

Faiz Hasan

MALIM - Harga barang basah seperti ayam proses, daging, ikan dan sayuran yang dijual di beberapa pasar utama di negeri ini masih pada harga biasa dan tiada kenaikan mendadak pada Ramadan.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) ke Pasar Borong Hang Tuah Jaya dan Pasar Basah Bachang

mendapati beberapa gerai mengurangkan harga dengan perbezaan sekitar RM0.20 hingga RM0.40 sen bagi sekilogram barang basah yang dijual.

Beberapa gerai menjual ayam siap diproses menawarkan harga sekitar RM7.80 sehingga RM8.20 sekilogram kepada pelanggannya.

Seorang peniaga, Azmi Ghani, 54, berkata, perbezaan kecil

harga itu bagi menarik pelanggan.

Jelasnya, stok bekalan ayam di negeri ini masih mencukupi menjelang Ramadan dan harga yang ditetapkan itu adalah munasabah dan kebiasaannya akan naik menjelang Syawal nanti.

"Harga ayam proses naik menjelang Hari Raya itu perkara biasa, tapi selalunya peniaga yang akan dipersalahkan sedangkan pembekal

yang menetapkan harga.

"Kita tidak tahu ke mana stok ayam ini pergi dan setiap kali nak Raya harganya pasti akan naik, um-pama masalah tahunan di setiap pasar dalam negara."

"Jika pembekal naikkan harga kurangkan stok, kita pun terpaksa akur kerana perlukan keuntungan dalam jualan," katanya.

Tinjauan di Pasar Basah Ba-

chang pula mendapati orang ramai mengambil kesempatan sempena Ramadan untuk membeli barang keperluan harian.

Peniaga sayur, Chandra Arumugam, 45, berkata, setakat ini tiada catuan bekalan sayuran di pasar itu biarpun harganya meningkat sedikit.

"Harga sayur-sayuran tempatan meningkat sedikit di bawah 30 peratus berbanding sayur yang dibekalkan dari negeri lain tetapi keseluruhannya masih terkawal."

"Namun, harganya mungkin lebih mahal ketika musim hujan, tapi kita cuba untuk mengawalnya kerana kali ini kita diberi peluang berniaga bagi menjana pendapatan," katanya.

Penjual daging, Zulhilmi Zolkipi bersyukur kerana dalam tempoh pasca COVID-19 sambutan pelanggan untuk membeli daging segar memuaskan sejak beberapa hari lalu.

"Alhamdulillah sambutan tetap ada di pasar ini dan tiada rungutan diterima dari pelanggan mengenai harga jualan yang kami tetapkan."

"Harga jualan daging di sini masih terkawal dan perbezaan antara gerai hanya sekitar RM2 hingga RM3 bagi sekilogram daging yang mungkin disebabkan faktor kesegaran daging dan saingan bagi menarik pelanggan," katanya.

Tinjauan mendapati peniaga daging menjual daging batang pinang sekitar RM38 hingga RM40 sekilogram, daging segar (RM34 hingga RM37) dan organ seperti perut lembu (RM20 hingga RM22).



ORANG ramai membeli barang basah di Pasar Borong Hang Tuah Jaya, baru-baru ini.

Jemaah terharu dapat Tarawih tahun ini

Farah Suhaidah Othman

SUNGAI RAMBAI - Sebak dan terharu, itu perasaan jemaah Masjid Al Hasanah, Sungai Rambai, Abdul Kalam Hassan apabila dapat menuaikan solat Tarawih tahun ini.

Abdul Kalam, 48 berkata, meskipun cukup berbeza berbanding tahun lalu kerana tidak dapat bersalaman dan berpelukan antara jemaah, namun kebenaran diberikan oleh kerajaan itu perlu dihargai sepenuhnya oleh umat Islam dalam suasana norma baharu.

"Rasa terharu amat sangat kerana pada tahun ini kita dapat meraikan Ramadan sebenarnya, walaupun ada SOP (prosedur operasi standard) yang perlu dipatuhi."

"Saya bersyukur dapat menuaikan solat Tarawih berjemaah di masjid tahun ini berbanding tahun lalu hanya bersolat di rumah ber-

sama keluarga selain tidak dapat solat sunat Aidilfitri.

"Peluang yang diberikan oleh kerajaan ini pada waktu ini saya ambil kesempatan untuk beribadah di rumah ibadah itu," katanya.

Nada sama dizahirkan Sahari Husin, 63, yang memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana diberi peluang bersolat Tarawih di masjid.

"Saya sangat bersyukur kerana dengan kuasa-Nya, umat Islam dapat berjemaah bersama," katanya.

Sementara itu, tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) di masjid berkenaan mendapati semua jemaah mematuhi SOP ditetapkan selain imam masjid mengamalkan solat lapan rakaat dan pembacaan surah pendek serta tazkirah ringkas.

Pengerusi masjid berkenaan, Shahidin Mohd Shah berkata, pihaknya akan memastikan setiap jemaah me-

matuhi SOP ditentukan kerajaan negeri termasuk tidak membenarkan jemaah yang tidak sihat memasuki rumah ibadah itu.

"Kita sudah maklumkan kepada semua jemaah supaya tidak datang ke masjid jika tidak sihat kerana dia mungkin mengganggu jemaah lain."

"Bagaimanapun, pemantauan dijalankan dari semasa ke semasa termasuk hanya membenarkan 250 jemaah berikutnya perlu mengamalkan penjarakan fizikal ketika solat Tarawih walau-pun kapasiti masjid mampu memuatkan kira-kira 2,500 jemaah dalam satu masa," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai Datuk Hasan Abdul Rahman berkata, pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) menerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undan-



JEMAAH Masjid Al Hasanah, Sungai Rambai mengamalkan penjarakan fizikal ketika menuaikan solat Tarawih baru-baru ini.

gan Negeri (Japerun) akan memantau jemaah di semua masjid dan surau supaya mematuhi SOP ditetapkan.

"Kita tidak mahu me-

nimbulkan kluster baharu pulu di rumah ibadah supaya semua boleh melakukan solat Tarawih bersama-sama," katanya.

Pada 6 April lalu, kerajaan negeri membenarkan lebih 300 masjid dan surau di negeri ini melaksanakan Tarawih dengan SOP ketat.

Yakin lebih ramai layak ke Olimpik Tokyo

MENTERI Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican menjangkakan, lebih ramai atlet akan menyertai 12 atlet negara yang telah pun melayakkan diri ke temasya Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, pada Julai depan.

Keyakinan itu dilontarkan, susulan seramai 23 atlet di bawah Program Road To Tokyo (RTT) 2020, kini dalam usaha memburu slot di temasya tersebut menerusi proses kelayakan, yang masih berlangsung sehingga Jun.

"Sebagai contoh dalam sukan badminton Lee Zii Jia sudah dapat (slot ke Olimpik), tetapi saya tidak masukkan dalam senarai 12 atlet lagi, kerana proses kelayakannya masih lagi terbuka."

"Boleh kata semua ada peluang layak, melainkan satu iaitu sukan terjun kerana proses kelayakannya ditangguh dan masih lagi menanti status satu lagi kejohanan kelayakan yang akan diadakan," katanya pada sidang media majlis pelancaran Detik 100 Hari ke Tokyo 2020 di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil, baru-baru ini.



AZIZULHASNI Awang antara atlet negara yang sudah layak ke temasya Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun, pada Julai depan.

Menyentuh mengenai sukan terjun, Reezal Merican berkata se-

kiranya medan kelayakan terakhir itu dibatalkan, ia bukan sahaja menjelaskan peluang penerjun ne-

gara, malah dari seluruh dunia termasuk China yang merupakan kuasa besar sukan itu.

"Jadi saya tidak mahu maklumkan secara pra matang (jumlah atlet), sebab masih lagi ada ruang sehingga bulan Jun," jelasnya.

Sehingga kini, Malaysia telah mengesahkan penyertaan ke temasya Sukan Olimpik Tokyo dalam sukan terjun, pelayaran, berbasikal trek, memanah dan gimnastik artistik.

Antara 12 atlet yang sudah pun layak adalah Khairul Anuar Mohamad (memanah); Mohd Azizulhasni Awang dan Muhammad Shah Firdaus Sahrom (berbasikal trek); Nur Dhabitah Sabri, Ng Yan Yee, Pandelela Rinong dan Leong Mun Yee (terjun).

Selain itu Farah Ann Abdul Hadi (gimnastik artistik) dan empat atlet pelayaran - Khairulnizam Mohd Afandy, Nur Shazrin Mohd Latif, Nuraisyah Jamil dan Juni Karimah Noor Jamali.

Seramai 32 atlet, terdiri daripada 17 lelaki dan 15 wanita, mewakili negara ke temasya Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil. - BERNAMA

Melaka Reborn juara MLBB Piala YDP MPHTJ

KEJOHANAN Mobile Legends Bang Bang (MLBB) Piala Yang Dipertua (YDP) Majlis Hang Tuah Jaya (MPHTJ) yang berlangsung pada 10 April lepas menyaksikan pasukan Melaka Reborn mengungguli kejuaraan kejohanan itu.

Melibatkan penyertaan 32 pasukan, Melaka Reborn tidak menghadapi masalah selepas mengekalkan rekod tanpa kalah termasuk aksi 'final' kejohanan itu.

Aksi final mempertemukan antara Melaka Reborn menentang Riot MY dan per-

lawanan tersebut didominasi oleh Melaka Reborn.

Berformatkan 'best of 3', Melaka Reborn mudah menewaskan Riot MY dengan mata 2-0, sekali gus merangkul kejuaraan Piala YDP MPHTJ dan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,300, manakala Riot MY sebagai naib juara membawa pulang hadiah wang tunai RM700.

Sementara itu, kejohanan yang berlangsung sehari itu, telah disempurnakan perasmianya oleh YDP MPHTJ, Datuk Shadan

Othman.

Hadir sama, Presiden Persatuan Sukan Elektronik Melaka (MEA), Muhammad Hamka Mohd Ali.

Sementara itu, Muhammad Hamka berharap penganjuran kejohanan sukan elektronik atau Esports akan berterusan pada masa akan datang.

"Harapan kami (MEA) adalah untuk melihat lebih banyak pihak akan tampil untuk bersama-sama dengan kami dalam memperkasakan lagi Esports di Melaka.

"Kami akan memberi sokongan penuh kepada segala aktiviti Esports yang berlangsung di Melaka serta mana-mana pihak yang menganjurkannya," jelasnya.

Industri Esports Melaka perlu lebih banyak sokongan

SEBUT sahaja sukan elektronik atau Esports, sudah pasti ramai membayangkan untuk menceburinya adalah mudah, tetapi realiti untuk mencapai tahap tertinggi dalam sukan tersebut sebenarnya tidak mudah seperti dibayangkan.

Bagi salah seorang pemain Esports, Muhammad Farhan Ibrahim, 22, dia menyifatkan industri Esports di Melaka amat memerlukan sokongan dari segi kewangan serta penajaan jika mahu melihat industri tersebut terus maju setanding dengan negeri lain.

Katanya, jika dibandingkan dengan industri Esports di Lembah Klang misalnya, di sana banyak pasukan Esports mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan sendiri.

"Sukar Esports di Melaka untuk berkembang maju jika tiada sokongan dari segi kewangan, tajaan dan sebagainya."

"Untuk mencapai tahap seperti yang dicapai oleh pemain-pemain dari Lembah Klang misalnya, amat jauh, sehingga kami masih di tahap 'semi pro', " katanya kepada Melaka Hari Ini.

Berasal dari Durian Tunggal, Muhammad Farhan mencebur Esports menerusi platform Mobile Legends Bang Bang (MLBB) sejak tahun 2017, turut berharap agar lebih ramai anak Melaka dapat nonjolkan bakat dalam Esports sehingga mencapai tahap pemain profesional suatu hari nanti.

"Pemain Esports Melaka memang ramai yang berbakat, saya percaya menerusi usaha gigih serta sokongan dari pelbagai pihak, Melaka mampu menjadi negeri pengeluar bakat baharu Esports pada masa akan datang. Insyaa-Allah," jelasnya.

JUARA

MELAKA REBORN

MOBILE LEGENDS: BANG BANG

PIALA YDP

MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

Info MLBB Piala YDP MPHTJ

- Sebanyak 32 pasukan bertanding
- Kejohanan menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM3,000



» YAKIN LEBIH RAMAI LAYAK KE OLIMPIK TOKYO
• Lihat muka 23

Sukan

MELAKA HARIINI

INDUSTRI ESPORTS
MELAKA PERLU
LEBIH BANYAK
SOKONGAN

• Lihat muka 23 >>



Amaran keras MFL



Foto FB/MUFC

PASUKAN dalam Liga Malaysia (Liga-M) yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) membabitkan penonton, bakal berdepan hukuman beraksi tanpa 'pemain ke-12', demikian tegas Liga Bola Sepak Malaysia (MFL).

Ketua Pegawai Eksekutif MFL Datuk Ab Ghani Hassan berkata pihaknya mendapat beberapa aduan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai terdapatnya pasukan dan penyokong mereka yang sering melanggar SOP ditetapkan dalam mengekang penularan COVID-19.

"Sekiranya tidak ada perubahan

atau keadaan lebih teruk, maka ia akan menyebabkan kita tidak membenarkan penonton masuk untuk melihat perlawanan lagi. Setakat ini, venue yang gagal dalam pemantauan telah diberikan nasihat untuk ambil tindakan," katanya selepas Majlis Pelancaran dan Undian Unifi eMFL Liga Super 2021 baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan venue-venue terlibat.

Penonton dibenarkan kembali ke semua stadium kecuali Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu,

bermula 6 April lepas setelah percubaan di Stadium Sultan Ibrahim ketika Johor Darul Ta'zim menang 3-0 ke atas Melaka United pada 2 April

dan di Stadium Kuala Lumpur, Cheras ketika Kuala Lumpur City FC terikat tanpa jaringan dengan Sabah FC, hari berikutnya.

Berdasarkan SOP di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), hanya 10 peratus kapasiti penonton atau 2,000 orang dibenarkan, dan untuk kawasan PKP Pemulihan (PKPP), 25 peratus kapasiti penonton atau 8,000 orang dibenarkan.

Ab Ghani turut menekankan bahawa perlawanan berlangsung dalam bulan Ramadan dijadual bermula pada 10 malam di Semenanjung, manakala di Sabah dan Sarawak perlawanan bermula pada 9.15 malam, dengan pintu stadium akan dibuka kepada penonton dua jam sebelum perlawanan dan ditutup 15 minit sebelum perlawanan bermula.

Berdasarkan SOP protokol pengurusan penonton, mereka hanya dibenarkan menggunakan tandas sebelum atau semasa perlawanan berlangsung, dan tidak dibenarkan ketika waktu rehat.

Sementara itu, Ab Ghani berkata edisi kedua eMFL Liga Super 2021 yang akan berlangsung pada 20 April hingga 9 Mei menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM50,000.

Pengarah Urusan Gamesbond Global Sdn Bhd Fazli Razak berkata pada edisi tahun ini, liga itu akan berlangsung dalam dua peringkat yang

mana lapan pemain terbaik daripada 12 pemain, mara ke pusingan kalah mati manakala juara pula secara langsung terpilih bermain untuk ePi- ala Dunia FIFA.

Fazli berkata susulan pandemik

COVID-19 tahun ini, pemain akan beraksi daripada kediaman masing-masing bermula dari peringkat awal hingga pusingan kalah mati dan perlawanan disiarkan dari tempat mereka.- BERNAMA



Melaka Reborn juara MLBB Piala YDP MPHTJ

KEJOHANAN Mobile Legends Bang Bang (MLBB) Piala Yang Dipertua (YDP) Majlis Hang Tuah Jaya (MPHTJ) yang berlangsung pada 10 April lepas menyaksikan pasukan Melaka Reborn mengungguli kejohanan kejohanan itu.

Melibatkan penyertaan 32 pasukan, Melaka Reborn tidak menghadapi masalah selepas mengekalkan rekod tanpa kalah termasuk aksi 'final' kejohanan itu.

Aksi final mempertemukan antara Melaka Reborn menentang Riot MY dan perlawanan tersebut didominasi oleh Melaka Reborn.

Performatkan 'best of 3', Melaka Reborn mudah menewaskan Riot MY dengan mata 2-0, sekali gus merangkul kejohanan Piala YDP MPHTJ dan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,300, manakala Riot MY selaku naib juara membawa pulang hadiah wang tunai RM700.

Lihat muka 23

LIGA SUPER MALAYSIA 2021 Jadual perlawanan Melaka United FC

PERLAWANAN ke - 10

PERAK FC MELAKA UNITED FC

STADIUM PERAK, IPOH

AHAD, 25 APRIL 2021

10.00 pm

PERLAWANAN ke - 11

MELAKA UNITED FC KDA FC

STADIUM HANG JEBAT, MELAKA

JUMAAT, 30 APRIL 2021

10.00 pm

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka TV

Grafik : Melaka Hari Ini
Sumber : melakaunderfc.com